

Jilid II  
Bil. 38



Hari Jumaat  
28hb Oktober, 1988

MALAYSIA

## PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 6677]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:**

**Mogok Lapar Tahanan ISA—Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang) [Ruangan  
6729]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 6734]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 6734]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.P., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KESIHATAN, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek  
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.S.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.  
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu Siing Seng (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 28hb Oktober, 1988

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BERAS—KEPERLUAN  
NEGARA**

1. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan membuat satu target bahawa hasil beras negara kita ini mampu menampung permintaan keperluan penduduk. Kalau ia, apakah tindakan Kementerian ini terhadap:

- (a) tanah-tanah terbiar;
- (b) musuh-musuh tanaman padi;
- (c) ketidak seimbangan musim dan air;
- (d) tenaga-tenaga muda dan mahir di bidang pertanian; dan
- (e) mutu pengeluaran beras tempatan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membuat target untuk mengeluarkan beras negara bagi menampung sepenuhnya permintaan keperluan penduduk. Dasar padi/beras yang ada sekarang telah menetapkan bahawa pengeluaran beras negara untuk kecukupan dalam negeri adalah pada

kadar terapan berdasarkan kepada keupayaan pengeluaran di lahan kawasan jelapang padi. Kawasan-kawasan itu ialah kawasan-kawasan MADA, KADA, Krian/Sungai Manik, Barat Laut Selangor, Seberang Prai, Kemasin Semerak, Besut dan Seberang Perak yang melibatkan kawasan kira-kira 212,000 hektar. Pada masa ini kadar tersebut adalah pada paras 55%-60%. Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan kawasan pengeluaran padi bagi tujuan untuk meningkatkan pengeluaran beras negara kerana penanaman padi di negara ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi iaitu bagi membiayai kos infrastruktur dan untuk membayar subsidi baja dan subsidi harga.

Walaupun Kerajaan tidak membuat target untuk mengeluarkan beras negara bagi menampung sepenuhnya keperluan penduduk, namun usaha-usaha akan diteruskan oleh pihak Kementerian Pertanian bagi meningkatkan hasil keluaran dan mutu padi di kawasan-kawasan jelapang padi tersebut. Usaha-usaha ini dan kaitannya dengan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan ini adalah seperti berikut:

(i) *Tanah-tanah Terbiar*

Pihak Kementerian menggalakkan usaha-usaha untuk memulihkan tanah-tanah sawah terbiar di kawasan-kawasan jelapang padi. Peruntukan kewangan kira-kira \$1,000 sehektar ada disediakan oleh Kementerian

bagi memulihkan tanah-tanah sawah terbiar ini. Untuk tahun 1989, adalah dianggarkan sebanyak \$5 juta akan diperuntukkan di bawah Program Pemulihan Sawah Terbiar bagi tujuan memulihkan kawasan seluas 5,000 hektar.

(ii) *Musuh-musuh Tanaman Padi*

Di antara musuh-musuh tanaman padi ialah rumpai, tikus, serangga dan penyakit. Dalam usaha untuk mengurangkan atau membasmi kehilangan hasil melalui musuh-musuh ini, kaedah pengawalan secara bersepadu atau integrated pest management, dengan izin, telah dilaksanakan. Di antara langkah-langkah kawalan di bawah kaedah ini termasuklah penggunaan variety yang mempunyai kerintangan kepada penyakit, penggunaan musuh semulajadi atau predators, dengan izin, penggunaan racun serangga dengan bijaksana dan amalan kultura (membersih kawasan di persekitaran sawah dan mengawal rumpai).

(iii) *Ketidakseimbangan Musim dan Air*

Kerajaan telah memperkukuhkan punca bekalan air untuk kawasan-kawasan padi, khususnya di musim kemarau, dengan penyediaan kemudahan pengairan seperti ampangan-ampangan takungan, ibu-ibu bekalan, stesen-stesen pam dan sistem-sistem parit dan taliair. Kemudahan-kemudahan pengurangan banjir juga telah disediakan bagi kawasan-kawasan padi yang dilandai banjir.

(iv) *Tenaga-tenaga Muda dan Mahir di Bidang Pertanian*

Tenaga muda dan mahir di bidang pertanian adalah digalakkan mengusaha kegiatan-kegiatan pertanian termasuklah di bidang penanaman padi melalui Program Petani Siswazah yang dikelolakan oleh Kementerian Pertanian, dan program petani golongan muda/belia yang diuruskan oleh Jabatan Pertanian telah memperlihatkan tanda-tanda positif di mana terdapat beberapa projek mini estet padi diusahakan oleh petani-petani muda. Sehingga bulan September 1988, bilangan siswazah yang sedang/ akan menjalankan projek-projek pertanian adalah seperti berikut:

<i>Peringkat</i>	<i>Bil. Projek</i>	<i>Luas Kawasan (hektar)</i>	<i>Bil. Siswazah Terlibat</i>
Perancangan	14	565.9	43
Perlaksanaan	69	747.99	144

(v) *Mutu Pengeluaran Beras Tempatan*

Mutu Pengeluaran Beras mempunyai kaitan yang rapat dengan benih padi yang baik dan aktiviti pengeringan dan pengilangan padi yang berkesan. Aktiviti-aktiviti penyelidikan untuk memperkenalkan benih padi yang baik ke arah meningkatkan mutu pengeluaran beras sememangnya telah lama dilaksanakan oleh pihak MARDI dan Jabatan Pertanian. Usaha-usaha mereka telah menghasilkan beberapa kejayaan dan usaha-usaha ini akan terus dijalankan bagi meningkatkan lagi mutu padi dan beras negara. Manakala pihak LPN pula akan berusaha untuk

meningkatkan prestasi pengendalian padi di kompleks-kompleks dan keupayaan pengairan bagi mengurangkan kejatuhan mutu beras.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah diberitahu beberapa kali bahawa adalah lebih baik bagi negara kita mengeluarkan sebahagian daripada keperluan negara dari segi pembekalan beras dan separuhnya kita beli daripada luar negeri.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa kita tidak dapat mencapai self sufficiency, dengan izin, dari segi pengeluaran beras di negara ini, sedangkan negara Indonesia, Thailand dan Filipina telah mencapai self sufficiency dari segi pembekalan beras. Adakah Kementerian menjalankan satu kajian untuk mengurangkan kos pengeluaran beras sehingga kita dapat mencapai selfsufficiency dari segi pengeluaran beras ini.

Kedua, kilang-kilang yang sedang mengeluarkan baja dan racun di negara kita yang ada sekarang ini di Sarawak, Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia, saya ingin tahu sama ada pengeluaran baja dan racun ini cukup untuk memenuhi keperluan negara kita. Adakah kita sedang mengimport daripada negara lain, dan kalau ya, negara mana yang kita import baja dan racun untuk keperluan petani-petani kita.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi, kita tidak ada target untuk mengeluarkan beras untuk mencukupi keperluan negara kita atau self sufficiency, oleh sebab kos pengeluaran beras ini terlalu tinggi dan kita menumpukan pengeluaran beras kita di lapan kawasan jelapang padi sahaja. Keputusan ini dibuat

selepas kita mengkaji kos pengeluaran padi di negara kita dibandingkan dengan kos pengeluaran padi negara jiran. Misalnya, kos pengeluaran beras di Thailand ialah 60 sen sekilo sahaja, tetapi kos pengeluaran beras di negara kita ialah \$1.32 iaitu merupakan dua kali ganda kos pengeluaran beras di Thailand. Walaupun kos pengeluaran beras ini begitu tinggi, Kerajaan terpaksa memberi subsidi sebanyak \$400 juta setahun kepada industri beras untuk mengeluarkan beras secukup 65% keperluan negara kita. Tetapi kalau kita hendak menambahkan kawasan-kawasan pengeluaran padi mestilah kita belanja lebih banyak peruntukan-peruntukan untuk menyediakan tanah-tanah, membahagikan kemudahan-kemudahan seperti parit dan tali air dan inilah kos yang mahal juga. Oleh sebab itu, kita menumpukan pengeluaran beras kita di dalam lapan kawasan jelapang padi sahaja.

Berkenaan dengan soalan kedua ini, kilang-kilang yang mengeluarkan baja dan racun, setakat ini racun-racun dan baja-baja kebanyakannya adalah diimport daripada negara-negara asing dan cuma baja-baja dan racun ini dicampur (mixed), dengan izin, dalam kilang-kilang tempatan, tetapi bahan-bahan asalnya ialah diimport daripada negara-negara asing. Mengenai angka-angkanya, saya tidak ada, dan saya mintalah notis.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya sangat bangga mendengar jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri Pertanian. Tetapi saya ingin bertanya ada kawasan-kawasan sawah ini yang penduduk-penduduknya terlalu padat, maka kalau dibahagi daripada ratio keluasan tanah dengan bilangan penduduk dan pengagihan pendapatannya adalah dijangka amat rendah. Kita bernasib baik Kerajaan telah memberi subsidi ini, tetapi adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan hasil pulangan

yang rendah dibahagi dengan bilangan penduduk ini akan menambahkan lagi beban kepada petani-petani di kawasan sawah yang sudah ada. Mengapa pula Kerajaan membawa masuk graduates yang lulusan dalam bidang-bidang yang tertentu atau dalam bidang lain ke dalam bidang ini, tidakkah ia menambahkan lagi bilangan penduduk yang bersawah dan mengurangkan lagi hasil sutnya.

Yang kedua, adakah hari ini Kementerian Pertanian sedar bahawa dengan kegunaan racun-racun serangga dan racun-racun rumput-rumpai pada satu hari nanti akan menjejaskan kesihatan penduduk di kawasan persawahan, kerana apa yang kita dapati laporan-laporan melalui akhbar dan Talivesyen Malaysia kita, terdapat pekerja-pekerja di ladang yang sudah terkena bahana racun ini di mana mata, telinga, kaki dan sebahagian daripada kuku telah menjadi rosak akibat daripada racun yang terkena di bahagian luar tubuh manusia. Apa akan terjadi kepada manusia di kawasan di mana tidak mendapat air yang bersih sedangkan racun, rumput-rumpai ini digunakan, dan racun ini sudah bercampur dengan air, kemudian air ini diminun oleh petani-petani di kawasan itu. Adakah ia akan menjadi satu wabak yang akan merosakkan bahagian tubuh dalam manusia dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang; dan

Yang ketiga, saya ingin menarik perhatian kepada Timbalan Menteri Pertanian . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pertanyaan Yang Berhormat sudah cukup panjang.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Cukup panjang Tuan Speaker!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua sudah cukuplah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya rasa pendek lagi. Terima kasih.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan subsidi yang diberikan kepada petani-petani dan beban yang dipikul oleh petani-petani, kami sedar bahawa pendapatan petani-petani masih begitu rendah dan oleh itu Kementerian Pertanian menumpukan kegiatan-kegiatan dalam lapan kawasan jelapang padi ini supaya kita boleh meningkatkan pengeluaran hasil daripada kawasan-kawasan lapan ini. Misalnya, di KADA kami telah meningkatkan pengeluaran hasil asalnya 3 tan sehektar setahun sampai kepada 5 tan sehektar setahun, dan inilah memberikan pendapatan yang lebih tinggi kepada petani-petani. Kalau kita menumpukan kegiatan-kegiatan di lapan kawasan jelapang padi ini, kita bolehlah menumpukan kepada petani-petani yang kecil bukan banyak, dan itulah dengan izin, spreading too thin. Kami mengenalkan siswazah-siswazah pada kawasan-kawasan untuk memulihkan tanah sawah terbiar di kawasan-kawasan jelapang padi supaya ia boleh mengusahakan tanah terbiar ini dan memberi peluang kepada mereka untuk memulihkan tanah.

Soalan kedua, memanglah Kementerian Pertanian sedar racun ini kalau salahguna akan menjejaskan kesihatan pengguna-pengguna dan Kementerian Pertanian adalah memberikan kursus kepada pengguna-pengguna termasuk petani-petani supaya mereka mengenalpastikan bagaimana boleh menggunakan racun yang bahaya dan juga mengikuti daftaran Pesticide Board, dengan izin, kami boleh mengawal racun-racun yang dikenalkan di negeri Kedah.

## PEMBINAAN JALAN RAYA KE PENDALAMAN—PERUNTUKAN

**2. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan dalam

bentuk apakah bantuan secara langsung (direct assistance) Kementerian ini dapat hulurkan untuk membantu negeri-negeri dan daerah yang kurang maju; contohnya daerah yang kurang masalah pengangkutan. Adakah Kementerian dapat menghulurkan peruntukan kewangan untuk membina jalan raya ke pedalaman.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang mempunyai program-program bagi membangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju di seluruh negara. Program-program yang boleh dianggap sebagai bantuan secara langsung, dengan izin, direct assistance adalah seperti bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, jika luar bandar dan program menaikkan taraf jalan kampung.

Masalah jalan perhubungan memang disedari menjadi masalah utama di kawasan-kawasan kurang maju. Kementerian ini memang memberi perhatian kepada masalah ini. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada keutamaan dari segi perancangan Kerajaan Negeri dan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memperhatikan sebanyak \$688,426,600 akan diperuntukkan kepada Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam tahun 1989. Memandangkan negara kita adalah banyak daerah yang kurang maju yang belum mendapat kemudahan asas dan memandangkan negara kita menghadapi financial constraint dan tidak mampu membantu semua daerah, saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah garis panduan atau kriteria

atau basis yang mengutamakan daerah yang akan diberi peruntukan kerana semua daerah menghadapi masalah yang sama. Terima kasih.

**Dato' Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar akan masalah peruntukan yang tidak mencukupi untuk mengatasi atau menemui kehendak-kehendak di semua daerah. Dari segi perancangan, Kementerian saya memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang kurang maju dengan mengambil kira:

- (a) Bilangan penduduk yang mendapat faedah iaitu kalau sesuatu kawasan bilangan penduduknya kecil, jadi ini pun akan diambil kira sebagai satu fakta;
- (b) Faedah sosial yang akan dinikmati di kawasan tertentu; dan
- (c) Taburan bilangan penduduk di kawasan yang terlalu luas.

Jadi ini adalah garis panduan yang digunakan oleh Kementerian saya dalam mengagihkan peruntukan di seluruh negara.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas garis panduan yang telah dijelaskan tadi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah beliau sedar ada satu kawasan bernama Ulu Selangor yang berada hanya lebih kurang 50 kilometer daripada ibu kota kita, yang mempunyai 100,000 penduduk di kawasan yang begitu luas, dengan kawasan yang tidak ada jalan yang penuh dan juga sebahagian besar kawasan itu dianggap masih sebagai "black".

Saya ingin dapat tahu, saya telah memohon beberapa kali peruntukan untuk mengadakan jalan-jalan dan

kemudahan-kemudahan asas, tetapi Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini masih tidak memberikan apa-apa jawapan kepada permintaan saya. Saya ingin dapat tahu apakah sebab-sebabnya.

**Dato Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor. Saya sedar ada satu kawasan yang dinamakan sebagai Ulu Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyemak senarai projek-projek yang dikemukakan dari seluruh Malaysia, Kementerian saya menggunakan satu cara yang dianggap paling sesuai iaitu semua senarai projek-projek hendaklah disemak dan ditapis oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa masing-masing kemudian dikemukakan kepada Kementerian saya.

Mengikut pandangan Kementerian saya ini adalah satu cara yang baik kerana pihak berkuasa di peringkat negeri yang tahu kedudukan yang sebenarnya. Jadi dalam kelulusan projek atau pengagihan wang, Kementerian saya adalah tertakluk kepada senarai projek yang dikemukakan oleh pihak berkuasa negeri.

### AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN—KESAN PINDAAN

**3. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kekesanan pindaan Akta Penyelarasan Perindustrian, pembaikan dalam peraturan ekuiti dan dalam berbagai bidang lain dalam usaha menawarkan iklim pelaburan yang menarik dan sihat dari pelabur luar dan sejauh manakah pragmatik dan menariknya amalan struktur cukai, insentif, peraturan yang melibatkan ekuiti dan permit kerja

berbanding dengan negara lain seperti Singapura, Thailand, Taiwan, Indonesia dan Hong Kong.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Berhormat telah menyatakan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menarik pelabur-pelabur asing. Langkah-langkah ini telah mewujudkan suatu keadaan pelaburan yang menarik dan sihat dan ini boleh diperhatikan daripada jumlah pelaburan asing yang telah mengalir masuk ke dalam negeri ini. Jumlah pelaburan modal asing dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan dengan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 telah bertambah daripada \$959.3 juta dalam tahun 1985 ke \$1.68 billion dalam tahun 1986, dan ke \$2.05 billion dalam tahun 1987. Bagi tempoh masa Januari hingga September 1988, jumlahnya adalah \$3.47 billion.

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak begitu tepat atau bererti untuk membuat perbandingan di antara galakan-galakan yang ditawarkan oleh Malaysia dengan galakan-galakan yang diberi oleh negara lain sebab ada beberapa faktor yang mempengaruhi sistem galakan pelaburan yang berada di sesebuah negara itu. Faktor-faktor ini termasuk keadaan ekonominya, objektif-objektif pembangunannya dan polisi-polisi Kerajaannya mengenai pelaburan asing.

Walau bagaimanapun, didapati bahawa aliran pelaburan modal asing ke dalam Malaysia yang sedang meningkat, adalah bukti positif mengenai kekesanan galakan-galakan pelaburan yang diberi oleh Kerajaan negara kita.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

sebagai usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan ke negara kita sama ada Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan bercadang untuk membuat kajian lanjutan ke atas Akta Penyelarasan Perindustrian ataupun ICA dan memberi lebih banyak kelonggaran misalnya untuk memberikan pengecualian mengenai pembayaran modal dari \$2.5 juta ke \$5 juta. Sekian.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dari masa ke semasa telah membuat beberapa kelonggaran dalam Akta Penyelarasan Perindustrian dan jika perlu, Kerajaan akan membuat satu kajian untuk mengkemaskinikan ataupun memperbaiki Akta itu supaya lebih ramai pelabur-pelabur asing menunjukkan minat untuk melabur di negara kita.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai satu langkah untuk menggalakkan atau menambahkan lagi iklim pelaburan di negara kita ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menawar status PR kepada pelabur-pelabur asing yang telah melabur di negara ini di atas satu paras yang dianggap boleh menguntungkan negara kita.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat adalah cadangan yang baik, Kerajaan boleh mengkaji. (Ketawa)

#### **BAHU JALAN DI LEBUHRAYA— PEMBINAAN**

**4. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau memastikan bahawa bahu jalan raya (road shoulders) disediakan di semua lebuhraya utama khususnya di Lebuhraya KL-Seremban di mana

kekurangan bahu jalan raya telah menyebabkan kemalangan yang diakibatkan oleh halangan yang disebabkan oleh kenderaan-kenderaan yang rosak.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang seboleh-bolehnya memastikan semua lebuhraya yang dibina mempunyai bahu jalan yang mencukupi. Bagaimanapun, ada juga beberapa lebuhraya seperti Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di mana terdapat di setengah kawasan bahu jalan adalah kurang luas. Perkara ini berlaku semasa pembinaan lebuhraya tersebut di masa yang lalu yang bertujuan untuk mengurangkan kos pembinaannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban adalah di antara lebuhraya yang awal di bina di negara kita selepas Lebuhraya Kuala Lumpur-Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Seksyen 48 dan juga Seksyen 110 melarang pemandu-pemandu meletak kenderaan mereka di mana-mana jalan raya termasuk lebuhraya dalam keadaan yang boleh menyebabkan bahaya atau kesusahan kepada pengguna-pengguna jalan. Oleh kerana pemandu-pemandu tidak mematuhi undang-undang tersebut terutama sekali di Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban di mana bahu jalan terhad iaitu sebenarnya punca kemalangan berlaku.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Menteri berkenaan faham kalau tidak ada bahu jalan di lebuhraya khususnya Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban sangat bahaya. Kereta yang diletak di sana bukan intensional tetapi sebab ada masalah engin atau apa-apa. Macam ini macam-macam boleh elak accident. Beberapa accident berlaku sebab ini.

Saya harap adakah Kerajaan ada minat untuk sekarang membina bahu-bahu jalan?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jawab tadi masalah-masalah ini tidak timbul dalam lebu-lebuh raya yang baru. Dan juga berkenaan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban adalah masih dalam pertimbangan dan kita telah minta pihak swasta yang akan menjalankan projek penswastan ini untuk melebarkan jalan itu sebagai jalan mengikuti dengan taraf jalan yang sedia ada di tempat-tempat lain.

Yang kedua, berkenaan dengan pemandu-pemandu meletakkan kereta di tepi jalan itu bukan sahaja pada masa ada kerosakan untuk kereta tetapi meletakkan kereta di tepi lebuhraya itu jadi satu style di lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban. Beberapa kali saya sendiri telah melaporkan perkara ini kepada polis dan juga saya telefon kepada Polis mengambil tindakan serta merta di atas mereka. Oleh kerana itu juga saya minta semua kereta-kereta iaitu menjaga lebuhraya itu untuk mengadakan satu telefon. Bila satu masanya ada juga kecemasan seperti itu kita akan hubungi dengan mereka dan juga mengambil tindakan yang sewajar di atas mereka. Saya percaya tuan/puan ini Ahli Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . . .(Ketawa)

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya minta maaf. Saya percaya perkara ini boleh dapat diselesaikan apabila Kementerian saya mendapat lebih kakitangan daripada pihak Polis. Masa sekarang kita mempunyai lebih kurang 43 orang sahaja daripada Polis tetapi itu pun saya dapat tahu daripada pihak Polis, mereka akan menarik balik.

Saya ada juga pada masa ini sekarang bincang dengan Polis untuk mendapat lebih bantuan daripada mereka.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mengelakkan bahu-bahu jalan ini apabila hari panas berdebu dan hari hujan lecah dan becak kerana kadangkala ada pelanggaran kereta-kereta akan lalu di bahu jalan ini. Oleh itu tidakkah ada pihak Kementerian Yang Berhormat memikirkan supaya bahu-bahu jalan ini diturap dengan tar iaitu tar sederhana, bukan tar yang harga mahal dan ini rasa saya bagi mengelakkan perkara-perkara yang berlaku itu. Saya rasa dalam masalah ini di negara-negara luar pun ada perkara ini, sedangkan kadangkala saya lihat mereka turap dengan batu-bata. Adakah pihak Kerajaan memikirkan untuk berbuat demikian untuk jalan raya baru termasuk jalan yang lama?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya bertanggungjawab untuk jalan-jalan Persekutuan sahaja. Di jalan Persekutuan iaitu seperti apa yang saya kata tadi di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban kita mempunyai hard standing dengan gravel sekarang. Tetapi ini boleh juga mengambil kenderaan berat, tetapi untuk menurap jalan itu saya percaya boleh dijalankan apabila kita memperbaiki keadaan jalan yang sedia ada. Tetapi di seluruh tanahair kita, itu kita letakkan atas masalah kewangan. Jika dapat kewangan beberapa lebar pun boleh. Tetapi kalau ada kewangan, saya boleh buat jalan. Kalau tidak ada kewangan, saya dukacita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.

(Soalan No. 5 Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman tidak hadir).

## PESTA RIA RTM DI JOHOR BAHRU

**6. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Penerangan menyatakan bahawa adakah rancangan-ancangan pentas "Pesta Ria" RTM dalam bahasa Cina yang diadakan di Johor Bahru menjelang pilihanraya kecil Johor Bahru baru-baru ini telah mendapat kelulusan Menteri Penerangan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, Pesta Ria yang merupakan persembahan pentas telah disusun untuk hiburan kepada penduduk-penduduk setempat iaitu semasa rakaman-rakaman rancangan itu dibuat dan bagi disiarkan ke seluruh negara melalui Rangkaian Hijau Radio Malaysia kemudian. Rakaman-rakaman ini dijalankan bukan sahaja di Johor Bahru tetapi juga di merata-rata pelusuk Tanahair baik di bandar mahupun di kampung mengikut penjadualan yang telah disediakan oleh RTM dan juga mengikut permintaan yang dibuat dari masa ke semasa oleh orang ramai. Oleh itu ia adalah merupakan rancangan biasa yang diselenggarakan mengikut program dan jadual kerja yang telah diluluskan oleh Kementerian.

**Tuan Hu Sepang:** Soalan tambahan. Adalah menjadi pengetahuan awam bahawa semua artis-artis ataupun penyanyi-penyanyi RTM diarah memakai pakaian yang menutup sepenuhnya badan-badan yang menarik perhatian kaum lelaki. Tetapi di Pesta Ria yang dianjurkan oleh RTM baru-baru ini di Johor Bharu, saya dapati artis-artis ataupun penyanyi-penyanyi mereka berpakaian hampir berbogel-bogel. Dan adakah ini bererti pihak RTM ataupun Kementerian Penerangan mewujudkan double standard, satu untuk artis-artis di RTM dan di Pesta Ria mereka boleh memakai apa-apa suka sahaja

sehingga badan yang patut ditutup itu didedah. Sila jawab dengan seriusnya. (Ketawa)

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar RTM ialah tidak menggalakkan para artis yang mengadakan pertunjukan sama ada pentas ataupun bukan untuk memakai pakaian-pakaian yang menjolok mata. Memang ada perbezaannya, maksud saya kalau di Kuala Lumpur kita adakan rakaman-rakaman ataupun pertunjukan pentas memang senang kita kawal, tetapi kalau di luar kadang-kadang memang ada kelemahan yang terpaksa saya akui sedikit sebanyak di mana didapati artis-artis juga memakai pakaian yang menjolok mata dan kemudian kita menerima aduan daripada orang ramai di mana kita memberi perhatian yang amat berat kerana kita ingin melihat para artis yang mengambil bahagian di setiap pertunjukan pentas anjuran RTM mematuhi garis panduan yang disediakan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Penerangan bahawa beliau mengatakan bahawa rancangan-rancangan Pentas Pesta Ria RTM akan diadakan mengikut jadual-jadual ataupun program-program yang telah ditetapkan, oleh kerana saya berpendapat bahawa dalam bulan Ogos apabila Johor Bharu. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, tanya soalan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya ingin memberi sedikit penerangan mengenai latar belakang. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, jangan beri pendapat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Boleh. Saya berpendapat bahawa Pesta Ria RTM adalah luar biasa dalam bulan Ogos yang mana RTM mengadakan 4

rancangan pentas Pesta Ria yang diadakan dalam kawasan pilihanraya kecil Johor Bahru tetapi di lain-lain tempat satu tahun pun tidak nampak satu rancangan dianjurkan oleh RTM seperti Kota Melaka, Seremban. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, apa pertanyaannya? Sila tanya soalan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Maka soalan saya ialah:

- (1) Apakah tujuan untuk mengadakan 4 rancangan pentas Pestaria di kawasan pilihanraya kecil Johor Bahru pada bulan Ogos tahun ini.
- (2) Adakah ini untuk tujuan memancing undi dalam pilihanraya kecil Johor Bahru itu. Sila jelaskan.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, pentas Pesta Ria diadakan sebanyak 4 kali dalam bulan Ogos iaitu kebetulan waktu itu pilihanraya kecil Johor Bahru sedang berlangsung. Jadi perkara ini sebenarnya secara kebetulan kerana sebelum itu pun memang banyak, bukan sahaja diadakan di Johor Bahru tetapi di lain-lain kawasan juga, sebagai bukti di sini saya boleh menunjukkan dalam tahun ini umpamanya, bukan di Johor Bahru, dua rancangan pentas Pesta Ria telah diadakan di Kuala Lumpur pada 24hb Januari, 1988; tiga di Jerantut pada bulan Mac, dua di Kelang pada bulan April, tiga di Alor Gajah pada bulan Mei; dua di Tanjong Sepat pada bulan Jun; tiga di Kelang pada bulan Julai dan tiga di Air Keroh pada bulan Ogos.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang.

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang tidak hadir).*

## PAKAIAN SERAGAM POLIS— JUALAN

**8. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebarang langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memastikan jualan dan kegunaan pakaian-pakaian seragam anggota polis tidak disalahgunakan oleh penjenayah-penjenayah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah untuk memastikan supaya pakaian seragam polis tidak disalahgunakan, beberapa arahan telah dikeluarkan kepada pekedai-pekedai yang menjual peralatan tersebut seperti berikut:

- (i) mereka dikenakan mendaapatkan permit penjualan;
- (ii) mereka diarahkan menjual pakaian seragam polis hanya kepada pegawai atau anggota polis yang telah disahkan melalui kad kuasa pegawai atau anggota polis tersebut sahaja;
- (iii) mereka dikehendaki menyediakan buku daftar dan mencatat butir-butir peribadi serta alamat pembeli; dan
- (iv) pihak polis akan membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa untuk memastikan arahan-arahan ini dipatuhi. Pihak polis juga akan memperketatkan kawalan atas pemakaian pakaian seragam polis oleh anggota Polis Pembantu dan Kadet Polis Sekolah.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa pakaian

seragam PDRM sekarang ini agak sudah melalui zaman dan kurang menarik terutamanya yang dipakai oleh polis tugas-tugas am, adakah pihak Kerajaan bercadang hendak menukarkan pakaian seragam sekarang kepada yang lebih menarik dan membanggakan pihak yang menggunakannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya rasa begitu juga, Tuan Yang di-Pertua,

**Dr Eng Seng Chai:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, suka saya bertanya kepada beliau, memandangkan Kerajaan ada beberapa syarat penjualan dan penggunaan pakaian seragam polis tetapi setakat hari ini kita nampak dan membaca dalam suratkhbar, kita dapati banyak kes yang kita dapat tahu berlakunya rompakan dan rogol yang melibatkan penjenayah yang memakai pakaian seragam polis. Adakah mereka yang terlibat dalam kes-kes tersebut ini dari anggota polis atau bukan dan jika ada anggota-anggota polis yang terlibat, apakah hasil siasatan yang dijalankan dan apakah tindakan sehingga hari ini yang melibatkan kes-kes rompakan, rogol dan sebagainya?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui, belum ada laporan rogol ataupun merompak oleh mana-mana pihak yang menggunakan pakaian seragam polis. Apa yang telah diberitahu bahawa ada orang-orang yang tertentu yang melakukan rogol dan merompak yang mengakui bahawa mereka adalah anggota polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir)*

## JALAN UTAMA SARAWAK— MENG'TARKAN

**10. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa First Trunk Road system di Negeri Sarawak sepanjang 989 kilometer akan ditarkan dengan bitumin menjelang tahun 1992 seperti yang diumumkan oleh Menteri Pembangunan Infrastruktur Asas Kerajaan Negeri Sarawak Datuk Wong Soon Kai di Bintangor pada 24hb Ogos, 1988. Jika ya, sila beritahu rancangan tersebut secara ringkas; dan
- (b) adakah jambatan Batu Kawa akan dibina sebagai sebahagian daripada First Trunk Road System tersebut. Jika tidak, kenapa tidak.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar Jalan utama Sarawak, dengan izin, First Trunk Road, sepanjang 989 kilometer akan ditarkan menjelang tahun 1992. Sehingga ke hari ini sepanjang 522 kilometer atau lebih kurang 53% Jalan Utama tersebut telah pun ditarkan. Rancangan untuk mengetarkan jalan-jalan tersebut adalah seperti berikut:

Jalan Kuching/Lundu/Sematan: Jalan ini meliputi sepanjang 103 kilometer dan sepanjang 24 kilometer daripadanya telah pun ditarkan. Bagi baki jalan yang belum ditarkan, pada masa ini proses melantik juruperunding sedang dibuat bagi tujuan merekabentuk jalan di antara Jalan Kuching/Batu Kawa/Tandong dan juga Jalan Lundu/Sematan. Sekiranya kerja-kerja merekabentuk itu dapat disiapkan pada penghujung tahun 1989, maka tawaran tender bagi pembinaan projek akan dapat dipanggil pada awal tahun 1990 nanti. Walau bagaimanapun, pembinaan

sebahagian daripada Jalan Bau/Lundu akan dilaksanakan oleh jabatan Kerjaraya Sarawak sendiri.

Jalan Kuching/Sri Aman/Sibu: Jalan ini meliputi sepanjang 450 kilometer dan sepanjang 282 kilometer telah pun ditarkan. Rancangan dan langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengetar baki jalan itu ialah seperti berikut:

- (i) Jalan Batu Lintang ke Simpang Betong akan ditenderkan pada akhir tahun 1989. Adalah dijangka pelaksanaan kerja akan mengambil masa selama dua tahun dan projek dijangka dapat disiapkan dalam tahun 1991;
- (ii) Jalan dari Simpang Betong/Sri Aman/Jalan Sibu sedang dilaksanakan oleh kontraktor pada masa ini dan akan siap akhir tahun 1989;

Jalan Rajang ke Simpang Julau, juga sedang dilaksanakan oleh kontraktor pada masa ini dan dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 1990.

Jalan dari Simpang Julau ke Simpang Jalan Ulu Oya sedang dilaksanakan oleh JKR dan dijangka siap dalam tahun 1990.

#### *Jalan Sibu/Bintulu*

Jalan ini meliputi sepanjang 219 kilometer dan sepanjang 80 kilometer telah siap ditar. Kedudukan baki jalan berkenaan pada masa ini ialah:

Jalan daripada Batang Oya ke Batang Balingian sedang dibina oleh kontraktor dan dijangka siap pada akhir tahun 1988 ini.

Jalan daripada Batang Balingian ke Batang Mukah akan ditender pada awal tahun 1989 dan kerja-kerja dijangka siap dalam masa 3 tahun.

Pembinaan jalan daripada Batang Mukah ke Sungai Arip sedang

dilaksanakan oleh JKR Sarawak dan dijangka siap dalam masa 2 tahun lagi.

Pembinaan jalan daripada Sungai Arip ke Tatau sedang dibina oleh kontraktor dan akan disiapkan dalam masa 2 tahun lagi.

#### *Jalan Miri/Bintulu*

Jalan ini meliputi sepanjang 217 kilometer dan sepanjang 136 kilometer telah siap ditar. Bahagian jalan ini yang belum siap ditar adalah di antara Batang Suai hingga ke Sungai Sibuti dan kerja-kerja sedang dilaksanakan oleh kontraktor pada masa ini dan dijangka siap dalam tahun 1990 akan datang. Yang Berhormat berkenaan boleh juga melawat kawasan itu untuk mengetahui bilakah kita siapkan kerja itu.

- (b) Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, jambatan Batu Kawa adalah terletak di rangkaian jalan utama negeri Sarawak dan merupakan sebahagian daripada jalan Persekutuan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Paling memuaskan, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya rancangan ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya. Maka soalan saya ialah berapa jumlah wang telah diperuntukkan untuk mengetar first trunk road system ini pada tahun 1992. Berapa jumlah wang peruntukan diperlukan. Dan adakah kemungkinan wujud pada masa akan datang Yang Berhormat Menteri datang ke Parlimen cakap, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf; tidak ada duit tidak boleh dilaksanakan. Selalu kita dengar alasan ini macam mana?

Yang keduanya, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk meminjam wang dari World Bank atau Asian Development Bank untuk tujuan bagi

mengetar jalanraya dari Kuching-Lundu-Sematan sahaja, termasuklah pembinaan jambatan Batu Kawa supaya menggalakkan perindustrian pelancongan kerana Semantan adalah satu pantai yang amat menarik. Ini dua soalan.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Suka saya menjelaskan sedikit, projek-projek yang saya sebutkan tadi ialah semua projek-projek yang telah diluluskan oleh Kementerian saya. Dan juga kami dapat kelulusan daripada EPU dan Kementerian Kewangan untuk menjalankan projek ini secara berperingkat-peringkat. Saya percaya kita boleh juga menyiapkan projek ini mengikut jadual yang ditetapkan.

Selain daripada itu, iaitu pinjaman berkenaan dengan pembinaan jalan itu ialah kuasa Menteri Kewangan. Kami jalankan sahaja. Saya seperti agen, ada duit saya kerja, tidak ada duit saya tidur (*Ketawa*). Jadi, saya minta maaf daripada Ahli Yang Berhormat, soal pinjaman saya percaya ada, tetapi ini melalui Kementerian Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Latiff.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Latiff tidak hadir)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis tidak hadir)

#### GAJI PEGAWAI KERAJAAN PERSEKUTUAN DI SABAH— BAYARAN

**13. Tuan Madatang Morejal** minta Menteri Kewangan menyatakan

jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Negeri Sabah khusus untuk membayar gaji pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun milik Kerajaan Persekutuan yang bertugas di Negeri Sabah bagi tahun 1985 hingga 1987. Nyatakan jumlah peruntukan pada keseluruhannya yang telah diberikan kepada Negeri Sabah bagi tempoh yang sama.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Negeri Sabah khusus untuk membayar gaji pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun milik Kerajaan Persekutuan yang bertugas di Sabah bagi tahun 1985 hingga 1987 adalah seperti berikut:

1985	—	\$322 juta
1986	—	\$339 ..
1987	—	\$342 ..

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan secara keseluruhannya iaitu jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah, peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Jabatan-jabatan Persekutuan di Negeri Sabah termasuk pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi tempoh yang sama ialah:

1985	—	\$1,059 juta
1986	—	\$1,391 ..
1987	—	\$1,409 ..

#### RUMAH KOS RENDAH DI SABAH

**14. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kemajuan dan butir-butir lanjut mengenai pembinaan rumah kos rendah di bawah program khas rumah kos rendah di berbagai daerah di Sabah sehingga hari ini, terutamanya

di Tawau, di mana kerja-kerja pembinaannya hampir tergendala dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kelewatan tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah di negeri Sabah, sejumlah 14 projek yang melibatkan 10,101 unit rumah telah didaftar untuk dilaksanakan. Pembahagian projek mengikut daerah dan kemajuannya sehingga 31-8-1988 adalah seperti berikut:

#### *Daerah Kota Kinabalu*

Sejumlah 6 projek yang mengandungi 3,881 unit rumah telah didaftar untuk pelaksanaan. Daripada jumlah ini sebanyak 2 projek atau 1,140 unit berada di peringkat binaan bangunan, 2 projek atau 905 unit termasuk 320 unit bagi projek Fasa I Kuala Menggatal berada di peringkat penyediaan tapak. Sebanyak 2 projek lagi iaitu Projek Fasa II dan III serta projek Fasa 4, 5 dan 6 Kuala Menggatal yang mengandungi 1,836 unit belum dilaksanakan.

#### *Daerah Sandakan*

Sejumlah 3 projek yang mengandungi 3,691 unit rumah telah didaftarkan. Daripada jumlah ini sebanyak 2 projek atau 2,368 unit berada di peringkat binaan bangunan manakala satu projek lagi atau 1,323 unit berada di peringkat kajian.

#### *Daerah Lahat Datu*

Sejumlah 2 projek yang mengandungi 695 unit telah didaftarkan. Dari jumlah ini satu projek atau 595 unit berada di peringkat binaan bangunan dan satu lagi projek atau sebanyak 100 unit berada di peringkat kerja ukur.

#### *Daerah Keningau*

Sejumlah satu projek sahaja didaftarkan dan projek ini mengandungi 232 unit berada di peringkat kerja-kerja awalan sahaja.

#### *Daerah Tawau*

Sejumlah 2 projek yang mengandungi 1,602 unit rumah telah didaftar untuk pelaksanaan. Projek BAL Stage I yang mengandungi 471 unit dan projek Fasa I Taman Victoria yang mengandungi 152 unit berada di peringkat binaan bangunan. Projek Taman Victoria Fasa II yang mengandungi 529 unit berada di peringkat kerja penyediaan tapak. Projek BAL Stage II yang mengandungi 450 unit belum dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan pelaksanaan projek-projek Program Khas Perumahan Kos Rendah di negeri Sabah di peringkat awal adalah disebabkan oleh kesukaran pemaju mendapatkan pinjaman daripada bank untuk membiayai projek.

Bagaimanapun buat masa ini masalah tersebut telah pun diatasi dan dijangka pemaju-pemaju tidak akan menghadapi masalah untuk membiayai projek-projek mereka. Oleh itu pelaksanaan projek-projek tersebut dijangka dapat berjalan dengan lancar. Pihak Kerajaan sentiasa membuat pengesanan terhadap kemajuan projek-projek dan juga berusaha mengatasi masalah-masalah yang wujud.

### **DISIPLIN DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**15. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh mana kekesan disiplin pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah sekarang ini.

Apakah tindakan serta langkah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keberkesanan pengukuhan disiplin pelajar-pelajar sekolah menengah sekarang ini adalah baik. Ini bermakna disiplin pelajar telah dipertingkatkan oleh sekolah-sekolah dan masalah disiplin yang terjadi di kebanyakan sekolah adalah masalah yang dilakukan oleh sebilangan kecil pelajar dan jenis-jenis kesalahan disiplin yang terjadi pula adalah kebanyakannya kesalahan-kesalahan ringan seperti tidak memakai pakaian dengan kemas, lewat ke perhimpunan sekolah dan ponteng kelas. Kesalahan-kesalahan berat yang dipaparkan di akhbar-akhbar adalah kes-kes yang terasing. Malahan ada pula laporan-laporan yang tidak tepat disiarkan di akhbar-akhbar.

Di antara tindakan serta langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah ini ialah:

- (1) menubuhkan Persatuan Ibubapa-Guru di tiap-tiap buah sekolah yang wujud semenjak tahun 1973 yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama ibubapa dengan pihak sekolah mengenai pelajaran dan lain-lain masalah murid-murid;
- (2) peningkatan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah;
- (3) penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Murid di peringkat sekolah dan di peringkat daerah yang bertujuan untuk menanamkan rasa tanggungjawab bersama di kalangan masyarakat setempat

dan masyarakat di sekolah dalam mengatasi masalah disiplin murid-murid;

- (4) untuk mengeluarkan panduan-panduan mengenai disiplin sekolah seperti mengemaskini dan mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas dan buku-buku panduan mengenai disiplin;
- (5) untuk memberikan arahan kepada pihak sekolah supaya bertindak lebih tegas lagi dalam menghadapi masalah disiplin murid-murid.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat mengatakan bahawa pelanggaran ke atas disiplin itu sangat kecil. Kalau begitu bolehkah beri peratusan kejadian ketidakdisiplinan?

Kedua, adakah langkah-langkah yang tersebut tadi berkesan untuk mengatasi masalah kongsi gelap yang bergiat di sekolah-sekolah?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan sebab saya tidak menggunakan satu perkataan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya telah mengatakan kesalahan-kesalahan yang ringan kebanyakannya. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu, masalah disiplin di sekolah-sekolah kita di bawah Kementerian Pendidikan adalah, boleh dikatakan, terkawal.

Kalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu dari segi data-datanya, dari segi di mana kita boleh mengatakan masalah disiplin yang berat yang menjadi kes-kes polis atau kes-kes di mana pihak polis dipanggil, kita boleh katakan mengikut rekod kita selama ini dalam setahun kes yang melibatkan kongsi gelap seperti memeras ugut ada kira-kira 15 orang yang telah dijadikan kes polis dan di dalam kumpulan

haram mengikut rekod kita ada 2 orang. Ini adalah data-data yang kita ada. Untuk menjawab soalan ketiga Ahli Yang Berhormat tadi, bahawa pada pendapat kami usaha-usaha dan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi adalah berkesan di dalam mengawal masalah pengawalan disiplin di sekolah-sekolah kita dan kalau kita menumpukan dalam masalah seperti kumpulan-kumpulan gelap satu daripada caranya adalah menggerakkan badan-badan dalam kegiatan ko-kurikulum dan juga badan-badan bimbingan yang kita katakan pembimbing rakan sebaya di mana kita menggunakan satu prinsip di mana kita memupukkan perasaan kerjasama dan juga perpaduan di antara murid-murid dan tidak mengamalkan sikap kegiatan seperti kongsi gelap ini.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji**

**Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah jumlah perkara-perkara yang melanggar disiplin ini berlaku di sekolah-sekolah luar bandar dan juga di dalam bandar—berapa jumlahnya.

Kedua, Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa ini dipaparkan di suratkhbar perkara-perkara yang berlaku. Tidakkah ada cara supaya perkara ini tidak dikeluarkan di suratkhbar tetapi hanya diarahkan kepada Guru-guru Besar memanggil ibubapa mereka dan mengatakan anak-anak mereka membuat itu dan ini supaya perkara ini tidak dapat ditiru oleh sekolah-sekolah yang lain kalau dibaca dalam suratkhbar begitu cerita dan sebagainya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada data yang nyata bahawa kes yang mana dari luar bandar dan yang mana dari bandar. Mungkin saya boleh mendapatkan maklumat itu untuk Ahli Yang Berhormat.

Mengenai soalan kedua itu tadi, iaitu laporan di dalam akhbar, ini adalah di luar lingkungan Kementerian Pendidikan tetapi cara sebenarnya di mana masalah-masalah timbul di sekolah memang kita terus menghubungi ibubapa mereka menerusi Guru-guru Besar atau Guru-guru Kaunseling atau guru-guru yang terlibat dalam kes ini masing-masing untuk berhubung dengan ibubapa mereka dan menyelesaikan masalah itu secara berbincang. Juga khususnya di kebanyakan sekolah, termasuk juga sekolah di bandar, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan oleh ibubapa termasuk wakil dari agensi-agensi Kerajaan yang lain, badan-badan dari perkhidmatan awam dan juga termasuk guru di mana mereka ini akan menyelesaikan masalah di dalam sekolah kalau timbulnya sebarang masalah secara dalam keluarga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 9, 11, 12 dan 16 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).*

## PENGANGGURAN

**5. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah-masalah berikut:

- (a) bilangan pengangguran yang bertambah dalam Negara;
- (b) pekerja-pekerja di luar bandar yang masih tidak dilindungi sepenuhnya oleh penguatkuasaan Undang-undang Buruh terutama dari segi keselamatan dan kesihatan pekerja;
- (c) penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja di kilang-kilang elektronik dan Zon Perdagangan Bebas.

**Menteri Buruh (Tuan Lee Kim Sai):** Bagi menjawab soalan (a), ingin saya menyatakan bahawa keadaan pengangguran telah bertambah baik. Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan. Bagi tujuan tersebut, tindakan-tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi pelaburan dari pelabur-pelabur asing dan pelabur-pelabur dalam negeri. Sebagai strategi bagi memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi, Kerajaan dalam membentangkan strategi belanjawan 1989 dalam Dewan yang mulia ini telah membuat beberapa perubahan kepada kadar dan sistem cukai yang akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti sektor swasta demi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Selain daripada itu, Kerajaan telah dan akan terus melaksanakan berbagai langkah yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi bagi mengurangkan kadar pengangguran. Aktiviti-aktiviti bagi membantu para penganggur untuk mendapatkan pekerjaan akan diteruskan oleh Kementerian Buruh.

Soalan (b);

Undang-undang Buruh yang dikuatkuasakan adalah meliputi semua pekerja yang mempunyai kontrak perkhidmatan dengan majikannya, tidak kira sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar. Walau bagaimanapun Kementerian Buruh sedar bahawa undang-undang yang lebih menyeluruh perlu digubal bagi mengawal keselamatan dan kesihatan pekerja. Akta kilang dan Jentera 1967 yang dikuatkuasakan sekarang tidak meliputi beberapa aktiviti di ladang-ladang, perhutanan dan perikanan. Sebagai langkah jangka panjang bagi mengatasi kelemahan ini, Kementerian Buruh sedang mengkaji untuk menggubal

satu undang-undang yang lebih lengkap.

Soalan (c);

Pekerja-pekerja di sektor elektronik dan Zon Perdagangan Bebas tidak dilarang dari menubuh atau menyertai kesatuan-kesatuan sekerja. Bagi sektor elektronik, Kerajaan bersedia untuk menimbang permohonan dari pekerja-pekerja bagi menubuh kesatuan-kesatuan dalam syarikat atau "In-House Union". Keputusan Kerajaan ini adalah berdasarkan bahawa sektor ini merupakan sektor sensitif dari segi sumbangannya kepada ekspot negara. Bagi kilang-kilang lain yang ditempatkan dalam Zon Perdagangan Bebas, pekerja-pekerja berkenaan adalah bebas untuk memilih menyertai sesebuah kesatuan sekerja yang kini wujud ataupun menubuhkan kesatuan sekerja dalam syarikat.

#### **PUSAT LATIHAN KEMAHIRAN TINGGI BELIA SEPANG**

**7. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilakah Kompleks Pusat Latihan Kemahiran Tinggi Belia di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang akan siap dan beroperasi sepenuhnya;
- (b) apakah jenis-jenis latihan kemahiran tinggi yang akan dijalankan dan syarat-syarat serta kelulusan untuk mengikuti latihan-latihan tersebut; dan
- (c) apakah Kementerian akan memberi keutamaan bagi belia-belia tempatan di dalam mengikuti latihan dan peluang pekerjaan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):**

- (a) Mengikuti jadual pelaksanaan di bawah Perjanjian yang telah

ditetapkan, Pusat Latihan Kemahiran Tinggi Belia di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang akan siap dan beroperasi pada bulan Januari, 1990.

- (b) Sebanyak 12 jenis kursus yang meliputi bidang seperti Membuat Perkakas dan Acuan (Tool & Die Making), Penyelenggaraan (Maintenance), Elektronik dan kerja-kerja Memesin (Machining) akan disediakan di Pusat Latihan ini.

Pelatih-pelatih Pusat Latihan ini akan terdiri daripada pelatih-pelatih lepasan Pusat-pusat Latihan Belia, institusi-institusi latihan kemahiran dan pelajar-pelajar lepasan sekolah vokasional.

Pelatih-pelatih yang akan mengikuti kursus-kursus di Pusat Latihan ini akan terdiri daripada mereka yang berumur dalam lingkungan 20 tahun. Suatu proses pemilihan akan juga diadakan berdasarkan prestasi ujian kelayakan yang akan dijalankan bagi menilai kesesuaian mereka.

Selain dari kursus-kursus yang tersebut di atas, Pusat Latihan ini dijangka akan juga menyediakan kursus-kursus jangka pendek atas permintaan pihak swasta untuk pekerja-pekerja masing-masing. Perbelanjaan latihan bagi mereka ini akan ditanggung oleh majikan masing-masing.

- (c) Kementerian ini akan membuka peluang latihan kepada semua golongan belia di negara ini yang mempunyai kelayakan yang ditentukan bagi mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan.

### JALAN SUNGAI SENOR- KUBANG PAK HITAM- JALAN BAKONG

**9. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kerjaraya menjelaskan bilakah jalan dari Kampung Senor ke Kubang Pak Hitam dan Jalan Bakong, Pasir Mas akan dibaiki dan di "tar" memandangkan jalan tersebut menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk dan kanak-kanak sekolah.

**Dato' S. Samy Vellu:** Jalan Sungai Senor ke Kubang Pak Hitam dan Jalan Bakong, Pasir Mas ialah Jalan Negeri, yang bertaraf Jalan Kampung di mana jalan-jalan tersebut adalah bawah tanggungjawab Pejabat Jajahan Pasir Mas. Saya telah difahamkan bahawa pada masa ini kerajaan negeri belum mempunyai rancangan untuk mengetar jalan-jalan tersebut.

### IKAN YANG DIIMPOT— KEGUNAAN KOTAK PLASTIK

**11. Tuan Haji Mohamad Yusof bin Haji Abdul Latif** minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah prestasi penggunaan kotak plastik bagi peniaga-peniaga ikan, adakah ianya benar-benar lebih baik dari menggunakan kota kayu seperti dahulu.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Prestasi penggunaan kotak plastik bagi ikan yang diimpot sejak perlaksanaan sepenuhnya pada 1hb Julai, 1988 adalah memuaskan. Penggunaan kotak plastik di semua pusat kemasukkan ikan iaitu di Bukit Kayu Hitam, Kedah Pengkalan Kubor Kelantan, Johor Bahru, Johor, Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Melaka telah mencapai tahap 100%.

Catatan mengenai kemasukan ikan bagi bulan September, 1988 melalui dua pusat utama ialah di Bukit Kayu

Hitam dan Pengkalan Kubor adalah seperti berikut:

	<i>Bukit Kayu Hitam</i>	<i>Pengkalan Kubor</i>
Purata kuantiti sebulan (mt)	6462.25	730.31
Purat harian (mt)	215.40	24.68
Bilangan kotak plastik sebulan	213,887	25,978

Sejak penguatkuasaan penggunaan kotak plastik pada 1hb Julai, 1988 untuk mengimpot ikan, adalah didapati bahawa lori-lori ikan telah dapat diperiksa dengan mudah dan cepat berbanding dengan semasa penggunaan kotak kayu dahulu. Selain daripada itu penggunaan kotak plastik juga telah memberi beberapa kebaikan seperti berikut:

- (i) Dapat mengurangkan pencemaran persekitaran bagi pusat-pusat jualan borong.
- (ii) Membantu mencegah kegiatan penyeludupan senjata api melalui kotak plastik yang tidak menggunakan sebarang bahan daripada besi yang mana alat pengesan yang digunakan oleh pihak Kastam menjadi lebih berkesan.
- (iii) Dapat meminimalkan kerugian selepas tangkapan yang mana pada masa ini dianggarkan pada tahap 20% daripada hasil pendaratan.
- (iv) Dapat memberi jaminan kepada pengguna bahawa ikan-ikan yang dibeli masih lagi segar.

#### HAKISAN TEBING SUNGAI SIMUNJAN

12. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) setakat ini, semenjak tahun 1970, adalah usaha telah

diambil oleh Kementerian beliau untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas hakisan dan kesan dari hakisan Tebing Sungai Simunjan yang selama ini telah menyebabkan penduduk-penduduk Bandar Simunjan begitu kerap pindah-randah;

- (b) kalau ada apakah usaha-usaha itu; kalau tidak adakah Kementerian beliau bercadang hendak mengambil langkah yang tegas dan konkrit untuk mengurangkan hakisan itu dan mengurangkan beban penduduk-penduduk Simunjan akibat hakisan itu; dan
- (c) apakah sumbangan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kepada Sarawak semenjak ianya diwujudkan hingga ke hari ini, pada umumnya/-keseluruhannya.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:**

- (a) Kementerian Pertanian tidak ada mengambil apa-apa tindakan untuk mengatasi masalah hakisan dan kesan hakisan Tebing Sungai Simunjan oleh kerana bidang tugas ini adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil oleh pihak-pihak yang terlibat:
  1. Pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak pernah melantik Jurutera Perunding pada tahun 1980 untuk menjalankan kajian-kajian kejuruteraan dan kemungkinan bagi memelihara Tebing Sungai Simunjan.

Setelah menjalankan siasatan dan mengkaji laporan

oleh Colombo Plan Adviser serta mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan agensi-agensinya yang terlibat, pihak Jurutera Perunding membuat kesimpulan dan menasihati supaya tidak meneruskan projek tersebut dijalankan kerana:

- (i) Sebarang tindakan untuk mengawal hakisan dengan apa jua cara, sama ada memelihara tebing sungai, melencongkan sungai-sungai atau pembaruan sungai memerlukan belanja yang tinggi.
  - (ii) Perbelanjaan melaksanakan projek adalah berlipat ganda berbanding dengan pulangan ekonomi yang diterima.
2. Memandangkan projek ini tidak berdaya maju, Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju untuk mendapatkan satu kawasan baru bagi membangunkan semula bandar Simunjan dan difahamkan bahawa satu kawasan telah pun diperolehi oleh Kerajaan Negeri.
  3. Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak terus mengesan kesan hakisan yang berlaku dan penghuni rumah-rumah yang terancam diberi amaran awal supaya meninggalkan rumah mereka.
- (c) Pada keseluruhannya Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menjalankan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang di Negeri Sarawak supaya paras pencemaran dapat dikawal.

Stesen-stesen pengawasan air dan udara telah ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti pengawasan kualiti air dan udara.

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri Sarawak tentang kesesuaian tapak dari segi Alam Sekitar serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak pekilang untuk mengawal pencemaran.

Segala aduan tentang pencemaran alam sekitar sentiasa disiasat dan tindakan susulan diambil untuk mengatasi pencemaran tersebut. Disamping itu Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak juga menjalankan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar dan telah memberi bantuan dan nasihat kepada Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pengurusan alam sekitar seumpamanya menentukan supaya faktor alam sekitar diambil kira dalam perancangan projek pembangunan.

#### **SYARIKAT PERUMAHAN DALAM SENARAI HITAM**

**16. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat pemaju perumahan dan pengarah mereka yang dimasukkan ke dalam senarai hitam kerana gagal menyiapkan sekim perumahan masing-masing;
- (b) senarai syarikat tersebut dan pengarah-pengarah mereka;
- (c) sama ada Kementerian akan menerbitkan senarai hitam bagi maklumat orang ramai. Jika tidak, mengapa?

**Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Kementerian ini telah menyenaraikan sebanyak 12 syarikat dengan sejumlah 45 orang pengarah syarikat ke dalam senarai hitam kerana gagal menyiapkan sekim perumahan masing-masing.
- (b) Kementerian ini tidak dapat memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini nama syarikat-syarikat dan pengarah-pengarah itu kerana siasatan sedang berjalan ke atas syarikat berkenaan dan kemungkinan ianya akan didakwa di Mahkamah kerana melanggar Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Tahun 1966.
- (c) Oleh sebab itu, Kementerian ini tidak akan menerbitkan senarai hitam bagi maklumat orang awam.

**DISIPLIN PELAJAR  
DI SEKOLAH—KEGIATAN  
JENAYAH**

17. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pelajar sekolah menengah yang telah terlibat dalam kegiatan jenayah di seluruh negara dan apakah kehadiran polis di sekolah-sekolah dapat memperbaiki disiplin pelajar-pelajar di sekolah.

**Dr Leo Micheal Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar sekolah menengah yang telah terlibat dalam kegiatan jenayah di seluruh negara adalah seperti berikut:

- |                                 |          |
|---------------------------------|----------|
| (1) Memeras ugut                | 15 orang |
| (2) Menjadi Ahli Kumpulan Haram | 2 orang  |
| (3) Membawa senjata Merbahaya   | 5 orang  |

(4) Mengancam guru/ pengawas	4 orang
(5) Mencabul kehormatan	1 orang
(6) Merogol .. ..	1 orang
Jumlah ..	28 orang

Pada keseluruhannya, keadaan disiplin pelajar di sekolah adalah terkawal dan tidak memerlukan kehadiran pihak Polis. Bantuan dan kerjasama pihak polis akan diminta dalam keadaan-keadaan tertentu yang dianggap serius dan boleh mengancam keselamatan orang lain.

**PENDATANG HARAM  
DI SABAH—ANCAMAN**

18. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan betapa seriusnya ancaman pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram berhubung dengan keselamatan Negeri Sabah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membenters ancaman ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ancaman keselamatan di Negeri Sabah oleh pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram tidaklah begitu serius dan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh mereka adalah terbendung dan terkawal. Dalam tahun 1986 misalnya dari sejumlah 4,465 kes jenayah di Negeri Sabah, hanya 25 kes sahaja yang melibatkan pendatang-pendatang asing. Bagi tahun 1987 pula, daripada 4,696 kes jenayah di negeri tersebut hanya 228 kes sahaja melibatkan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, antara langkah-langkah yang diambil bagi

membanteras acaman ini adalah seperti berikut:

- (i) pasukan keselamatan telah memperbanyakkan lagi rondaan sepanjang masa di tempat-tempat yang seringkali berlaku jenayah sama ada di darat atau di laut termasuk di kawasan kepulauan Sabah;
- (ii) bertindak segera ke atas maklumat-maklumat yang diterima;
- (iii) membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa ke tempat-tempat yang disyaki terdapat penjenayah;
- (iv) pasukan polis telah mengenalpasti pendatang-pendatang asing yang sering melakukan kesalahan jenayah; dan
- (v) pihak polis juga telah mempamerkan gambar-gambar penjenayah yang sukar dikesan di balai-balai polis dan akhbar-akhbar tempatan bagi kemudahan mendapatkan maklumat dari orang ramai untuk menangkap mereka.

(Soalan No. 19. Sila lihat jawapan No. 9 pada 11-10-88)

### KAKITANGAN KERAJAAN SEBAGAI PENAGIH DADAH

20. Tuan Law Lai Heng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kakitangan Kerajaan yang merupakan penagih dadah mengikut kategori perkhidmatan dari tahun 1986 sehingga September 1988;
- (b) adakah Kerajaan akan memperkenalkan ujian air kencing sebagai syarat

kemasukan ke dalam perkhidmatan awam; dan

- (c) kalau tidak, apakah sebabnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Jumlah kakitangan Kerajaan yang dikesan sebagai penagih dadah mengikut kategori perkhidmatan dari tahun 1986 sehingga bulan Jun 1988 adalah seperti berikut:

(i) *Perkhidmatan Awam*

Kategori	Tempoh 1986- Jun 1988
A .. .. .	2
B .. .. .	11
C .. .. .	136
D .. .. .	556
Jumlah ..	705

(ii) *Perkhidmatan Polis*

Pegawai .. ..	1
Anggota Pangkat Rendah	74
Jumlah ..	75

(iii) *Angkatan Tentera*

Pegawai .. ..	11
Anggota Pangkat Rendah	935
Jumlah ..	946

- (b) Pada masa ini tidak ada peraturan yang mensyaratkan kakitangan Kerajaan menjalani ujian air kencing bagi mengesan mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan najis dadah. Walau bagaimanapun Kerajaan telah menetapkan supaya setiap calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam, di syaratkan membuat akuan di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 bahawa "ianya bukan penagih dadah". Oleh itu sekiranya Kerajaan mendapati

kakitangan yang dilantik itu terlibat dengan penagihan najis dadah, tindakan boleh diambil untuk menamatkan perkhidmatan mereka mengikut Perintah-perintah Am 57 Bab "A" 1973 kerana membuat akuan palsu.

- (c) Kerajaan berpendapat bahawa peraturan-peraturan yang sedia ada mencukupi bagi mengawal kakitangan Kerajaan daripada terlibat dengan penagihan najis dadah. Sungguhpun begitu Kerajaan sedang mengkaji keperluan mengadakan ujian air kencing sebagai syarat kemasukan ke dalam perkhidmatan awam.

#### **PELARIAN VIETNAM— MENGHANTAR PULANG**

**21. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapa lamakah diperlukan untuk menghantar pulang pelarian orang-orang Vietnam; dan
- (ii) jenis bantuan apakah yang akan diberi kepada pelarian orang-orang Vietnam untuk kembali ke tanahair mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (i) Pihak Kerajaan tidak dapat menentukan berapa lamakah diperlukan untuk menghantar pulang orang-orang pelarian Vietnam ke negara mereka, kerana pada masa ini segala urusan yang berkaitan dengan pemindahan ke negara-negara ketiga dan juga penghantaran pulang pelarian-pelarian yang secara sukarela ingin pulang ke negara asal mereka adalah diuruskan oleh pihak UNHCR.
- (ii) Setakat ini tiada sebarang bantuan diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada

pelarian-pelarian Vietnam yang ingin kembali ke tanahair mereka. Untuk masa-masa yang akan datang, Kerajaan masih mengkaji sama ada akan memberi bantuan ataupun tidak kepada pelarian-pelarian yang ingin pulang. Oleh itu Kerajaan belum dapat menentukan jenis-jenis bantuan yang perlu diberikan kepada pelarian-pelarian tersebut.

*(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 5 pada 12-10-88)*

#### **SABAH GAS INDUSTRIES SDN BHD—JUALAN**

**23. Datin Paduka Hajjah Rahmah Othman** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar atau tidak Kerajaan berhajat menjual Sabah Gas yang asalnya dijamin oleh Kerajaan. Jika benar, kepada siapa dan mengapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Kerajaan memang sebenarnya berhajat untuk menjual Sabah Gas Industries Sdn. Bhd., oleh kerana ini adalah selaras dengan dasar penswastaan. Bagi tujuan itu, Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji cara-cara untuk mengswastakannya. Kerajaan belum lagi menentukan kepada pihak mana Syarikat ini akan diswastakan.

#### **JET PEJUANG PELATIH TERHEMPAS**

**24. Dato' Haji Zainal Abidin bin Zin** minta Menteri Pertahanan memberitahu adakah benar terdapat beberapa kejadian jet-jet pejuang dan jet-jet pelatih yang terhempas dan yang akhir sekali terjunam di Laut China Selatan serta berapakah umur jet-jet yang digunakan sekarang ini atau yang telah menemui kemalangan dan adakah kita akan terus

menggunakan jet-jet (sudah terpakai) untuk pertahanan negara kita ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Memang benar terdapat beberapa kejadian pesawat-pesawat pejuang dan pelatih yang jatuh terhempas semasa latihan. Di antara pesawat yang mengalami kemalangan ialah pesawat F-5. MB 339 dan A-4 Skyhawk. Pesawat-pesawat yang terlibat ini berumur antara 3 hingga 13 tahun.

TUDM memang mempunyai prosedur tetap operasi yang mesti dipatuhi oleh setiap penerbangan. Buat masa ini semua pesawat TUDM yang didapati sempurna untuk diterbangkan tetap digunakan sepenuhnya termasuklah pesawat pejuang A-4 Skyhawk walaupun sebahagian besar pesawat tersebut telah diberhentikan dari penerbangan buat sementara waktu tetapi apabila pemeriksaan teliti terhadap pesawat tersebut selesai dibuat dan didapati benar-benar selamat untuk digunakan pesawat-pesawat tersebut tetap akan diterbangkan semula.

#### **PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN/ NEGERI**

**25. Dr Eng Seng Chai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sebarang cadangan Kerajaan meminda Perlembagaan dan kuasa-kuasa Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan kewajipan mengadakan satu pilihanraya kecil dalam tempoh 60 hari berikutan perletakan sukarela jawatan seorang wakil rakyat. Lebih kurang, berapakah perbelanjaan Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan pilihanraya kecil di satu kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia sekarang.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Kerajaan tidak bercadang untuk meminda

Perlembagaan dan kuasa-kuasa Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan tugas mereka untuk mengadakan pilihanraya kecil dalam tempoh seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan. Kos perbelanjaan bagi mengadakan pilihanraya kecil Parlimen adalah lebih kurang \$45,000 dan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri \$25,000.

#### **JAWATAN KOSONG— PENGISIAN**

**26. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu berikutan dengan Kerajaan bersetuju untuk menarik balik pembekuan pengambilan kakitangan bagi jawatan penting dalam Kumpulan A di Sektor Awam dan Badan Berkanun, bilakah jawatan-jawatan itu akan diisi dan berapakah dianggarkan jumlah jawatan-jawatan penting akan diisi. Oleh kerana perhatian khusus akan diberikan kepada pengambilan siswazah-siswazah, maka berapa ramaikah di kalangan mereka dapat memenuhi jawatan-jawatan itu dalam tempoh yang dekat ini.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Sebenarnya Kerajaan telah memutuskan supaya pengisian jawatan kosong sekarang dibuat mengikut keperluan yang benar-benar. Antara jawatan-jawatan yang dibenarkan diisi ialah jawatan yang terlibat di dalam pemberian perkhidmatan perlu seperti pengurusan, rawatan pesakit, keselamatan asas, aktiviti-aktiviti yang mendatangkan hasil dan sebagainya. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dalam kenyataan akhbar pada 27 September, 1988.

Pengisian ini akan ditentukan bersama-sama dengan agensi pusat dari semasa ke semasa. Oleh yang

demikian angka-angka seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat diberikan.

#### MAJLIS PUSAT KEBAJIKAN— PERUNTUKAN

**27. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah cadangan Kementerian untuk menambah peruntukan kepada kegiatan Majlis-majlis Pusat Kebajikan Malaysia di semua peringkat di negara ini; dan
- (b) mengapa beberapa kegiatan Majlis Pusat Kebajikan dalam membantu mangsa malapetaka telah tidak mendapat bantuan Kementerian. Adakah Kementerian sedar bahawa Majlis-majlis Pusat Kebajikan merupakan suatu organisasi rakyat dalam kerja-kerja amal dan amat popular di dalam masyarakat tempatan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah pun menerima permohonan untuk mendapatkan geran tambahan daripada Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia dan permohonan tersebut sedang di kaji dan akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.
- (b) Kegiatan membantu mangsa malapetaka tidaklah merupakan peranan utama Majlis tersebut dan oleh yang demikian ianya tidak diberi apa-apa peruntukan oleh Kementerian Kebajikan

Masyarakat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan tahunan yang sedang diberi oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat ialah untuk membantu Majlis tersebut mengendalikan:

- (i) Rumah dan pondok-pondok bagi orang-orang tua yang memerlukan;
- (ii) Perkhidmatan asrama kecil bagi pelajar miskin khususnya bagi murid-murid dari luar bandar atau kawasan pendalaman; dan
- (iii) Perkhidmatan asrama bagi gadis kilang.

Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar bahawa Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia merupakan satu pertubuhan sukarela yang memainkan peranan yang penting dalam kerja kebajikan. Sehubungan dengan perkara ini, suka saya menjelaskan dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa adalah menjadi dasar Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menggalakkan pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan mendapat sumber kewangan sendiri, selain menerima bantuan daripada Kerajaan, supaya mereka dapat lebih berdikari dalam menjalankan segala kegiatannya.

#### PENDATANG HARAM VIETNAM DI PULAU BIDONG

**28. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berkaitan dengan lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Encik Ghaffar Baba baru-baru ini adalah memberi kesan yang positif

kepada Malaysia dan apakah jaminan Kerajaan Vietnam untuk menerima balik pendedatang-pendedatang haram yang berada di Pulau Bidong. Apakah tindakan Kerajaan Malaysia sekiranya masih ada lagi pendedatang-pendedatang haram yang datang ke Malaysia kelak.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini telah memberi kesan yang positif oleh kerana beberapa persetujuan telah dicapai bagi mengatasi masalah pendedatang haram Vietnam. Berikutan dengan perbincangan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin tertinggi negara tersebut, Vietnam bersetuju untuk mengetatkan kawalan mencegah rakyatnya keluar secara haram, sebaliknya memastikan mereka hanya keluar melalui rancangan ODP (Orderly Departure Programme). Vietnam juga bersetuju mengambil semua orang-orang pelarian Vietnam di Pulau Bidong yang ingin pulang ke Vietnam. Selain dari itu, Vietnam juga menyatakan kesediaannya menyertai Persidangan Antarabangsa mengenai orang-orang pelarian Indochina di Geneva dan Persidangan Persiapan mengenainya yang akan diadakan di Kuala Lumpur awal tahun depan.

Sukalah saya menegaskan bahawa inilah kali pertama Vietnam menyatakan persetujuan untuk bekerjasama bagi mengatasi masalah ini. Berikutan dengan itu, persediaan sedang diatur untuk menerima rombongan pegawai-pegawai Vietnam di Kuala Lumpur untuk perbincangan selanjutnya bagi melaksanakan persetujuan tersebut.

Sekiranya masih ada lagi orang-orang pelarian Vietnam yang datang ke Malaysia selepas penutupan Pulau Bidong, mereka akan dianggap sebagai pendedatang haram dan, mengikut Undang-undang Imigresen, mereka akan dihantar pulang ke Vietnam.

## MAS—TARAF PERKHIDMATAN PENERBANGAN

**29. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk meningkatkan taraf perkhidmatan dalam penerbangan serta modernisasi angkatan kapalterbangnya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk meninggikan taraf perkhidmatan penerbangannya termasuklah:

- (i) Latihan meningkatkan prestasi anak-anak kapal.
- (ii) Mengadakan sistem "computerization" bagi tujuan memudahkan urusan penempahan tiket.
- (iii) Meluaskan rangkaian perkhidmatan.

Di samping itu pada bulan Jun 1988, MAS telah juga melancarkan kempen "Perkhidmatan Cemerlang" selama 6 bulan, bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang meliputi semua aspek operasinya termasuk perkhidmatan dalam penerbangan, pengendalian bagasi, penempahan dan kejuruteraan.

Dari segi memodenkan angkatan kapalterbang, MAS telah menempah 2 buah pesawat jenis B747-400 dan 9 buah pesawat jenis Fokker F50. Pesawat-pesawat B737-400 dijangka akan diperolehi pada bulan Mac dan Mei 1989. Sementara pesawat F50 pula akan tiba pada bulan Ogos 1989 sehingga bulan Mac 1990.

## BEATRICE SAUBIN—HUKUMAN SEUMUR HIDUP

**30. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri memberitahu

Dewan ini sama ada Cik Beatrice Saubin, seorang gadis Peranchis, yang sedang menjalankan hukuman seumur hidup kerana mengedar dadah telah memohon ampun (clemency). Jika ada, sila berikan keputusannya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cik Beatrice Saubin pada masa ini sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup di Penjara Pusat Wanita Kajang, kerana sabit kesalahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Sehingga hari ini penama belum lagi mengemukakan rayuan untuk pengampunan (clemency).

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT

18

### MOGOK LAPAR TAHANAN ISA

4.08 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan untuk maksud berunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu mengenai mogok lapar yang dimulakan oleh 18 orang tahanan di Kem Tahanan Perlindungan Kamunting semalam dan usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Pemangku Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Bukit Bintang, Lee Lam Thye supaya menangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu berkaitan dengan mogok lapar bantahan yang dilancarkan oleh 18 orang tahanan

ISA di Kem Tahanan Perlindungan Kamunting dan mereka ialah:

Y.B. Saudara Lim Kit Siang  
Y.B. Saudara Karpal Singh  
Y.B. Saudara P. Pato  
Y.B. Saudara Lau Dak Kee  
Y.B. Saudara Lim Guan Eng  
Saudara Dr Mohamed Nasir Hashim  
Saudara Dr Kua Kia Soong  
Saudara Dr Tuang Pik King  
Saudara Mohamed Sabu  
Saudara Mohamed Yusuf Husin  
Saudara Mohamed Yunus bin Lebai Ali  
Saudara Kamaruzaman Ismail  
Saudara Arokia Dass  
Saudara Tengku Shukri bin Tengku Zainal  
Saudara Zainuddin Abdullah  
Saudara Phillip Cheong Ah Kow  
Saudara Chong Kon Fatt, dan  
Saudara Hong Boon Lean.

Sebagai bantahan terhadap penahanan berterusan mereka secara wenang-wenang tanpa perbincangan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang amat kejam dan buruk itu.

Bahawa perkara ini adalah tertentu kerana 18 orang tahanan ISA ini telah pun memulakan mogok lapar bantahan mereka semalam, iaitu 27hb Oktober, 1988 pukul 8.00 pagi dan mogok lapar tersebut akan berterusan sehingga pukul 8.00 pagi bersamaan 3hb November, 1988. (*Tepuk*)

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana semenjak penahanan mereka secara wenang-wenang pada 27hb Oktober 1987 orang ramai amat pandang berat dan merasa marah atas penahanan mereka dan keadaan orang-orang tahanan di Kem Tahanan Kamunting serta penahanan tanpa had masa mereka. Rasa pandang berat dan marah orang ramai bertambah khususnya memandangkan pengundi-pengundi yang telah memilih 5 Ahli Parlimen DAP itu termasuk Ketua

Pembangkok Parlimen telah dinafikan peluang untuk diwakili di dalam Parlimen dan penahanan kelima-lima Ahli Parlimen berkenaan telah menghalang mereka daripada menunaikan mandat dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka oleh pengundi-pengundi mereka. (*Tepuk*)

Bahawa mogok lapar bantahan ini merupakan satu bentuk tindakan yang amat drastik dan serius untuk dipikul oleh sesiapa dan dalam kes ini orang ramai berhak untuk mengetahui sebab-sebab yang menyebabkan orang-orang tahanan tersebut mengambil tindakan yang drastik itu dan seterusnya orang ramai bimbang akan kesihatan orang-orang tahanan yang menyertai mogok lapar bantahan itu.

Bahawa perkara ini perlu disegerakan kerana Malaysia kini telah dipilih ke dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan Kerajaan hendaklah sebelum ia bermula memainkan peranan yang penting dalam usaha memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa menunjukkan kepada seluruh dunia bahawa ia menghormati dan menghayati hak-hak asasi manusia dengan membebaskan dengan serta-merta (*Sorak*) tanpa syarat semua tahanan ISA. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh tepuk, tetapi jangan sorak.

**Tuan Lee Lam Thye:** Bahawa perkara ini bertambah penting memandangkan semenjak semalam isteri orang-orang tahanan ini serta peguam mereka dan termasuk seorang paderi katholik Father Simon tidak dibenarkan melawat mereka atas arahan Kementerian Dalam Negeri yang mana arahan tersebut adalah bertentangan dengan seksyen 71 Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan) 1960 kerana seseorang tahanan tidak boleh

dihukum termasuk menarik balik haknya untuk diziarahi oleh keluarga dan peguamnya, kecuali satu penyiasatan (enquiry) dijalankan terlebih dahulu dan ia didapati bersalah. Sementara itu, Parlimen ini haruslah mengarah supaya doktor-doktor dan anggota-anggota dari Palang Merah dibenarkan melawat tahanan-tahan berkenaan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang, yang itu tidak masuk dalam usul Yang Berhormat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya hendak buat sedikit pindaan sahaja, hendak tambah ini satu perenggan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 hanya. . . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** . . . . sebab hendak minta supaya doktor-doktor dibenarkan untuk melawat tahanan mereka. Hendak tambah satu ayat sahaja, sebab perkara ini adalah sangat penting sebab berkaitan dengan masalah kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika saya benarkan, makna kita bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 18 (2).

**Tuan Lee Lam Thye:** Bahawa perkara ini perlu disegerakan dan adalah "significant" kerana penahanan berterusan serta mogok lapar yang dilancarkan itu menunjukkan bahawa mereka merana dalam kebengisan di mana mereka diragut dari pangkuan keluarga kesayangan mereka dan dilucutkan nilai yang terpenting, iaitu hak asasi manusia untuk berkehendakkan kebebasan (*Tepuk*). Dan mogok lapar itu akan juga memburukkan lagi keadaan kesihatan orang-orang tahanan berkenaan yang akan membawa kepada kesan-kesan yang serius yang akan mempengaruhi

implikasi-implikasi serius terhadap Kerajaan.

Bahawa perkara ini adalah amat penting memandangkan pengisytiharan bersama yang dibuat oleh 18 orang tahanan berkenaan yang mengutuk penahanan tanpa percaraan mereka, kepahitan dikurung bersendirian selama 60 hari pertama dalam keadaan yang mengkhianati piawai kemanusiaan antarabangsa serta "in agony" merana dalam kebengisan di mana mereka diragut dari pangkuan keluarga kesayangan mereka dan dilucutkan kebebasan mereka.

Untuk maklumat, Tuan Yang di-Pertua, isteri-isteri dan ahli-ahli keluarga ada di sini hari ini (*Tepuk*) dan mereka harap boleh mendapat keadilan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 oleh Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Bukit Bintang berkenaan dengan 18 orang tahanan ISA memulakan mogok lapar. Teks usul adalah sebagaimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu untuk menengguhkan mesyuarat, kecuali jika dia puas hati perkara yang dibangkitkan itu menepati 3 syarat, iaitu:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara itu berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan saya dapati bahawa:

- (i) saya bersetuju ia perkara tertentu;

- (ii) tetapi saya tidak bersetuju tindakan mogok lapar yang dilancarkan oleh mereka itu bagi kepentingan orang ramai (*Tepuk*); dan

- (iii) saya juga tidak bersetuju perkara tindakan mereka melancarkan mogok lapar itu perlu dibahaskan dengan segera sehingga menengguhkan persidangan Dewan Rakyat pada hari ini. (*Tepuk*)

Oleh kerana itu, saya menolak permintaan Ahli Yang Berhormat untuk menengguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

Usul ini ditolak. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud

Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (27hb Oktober, 1988)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.19 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung kembali perbahasan yang tak dapat saya tamat petang semalam. Pada petang semalam saya menyentuh masalah perpaduan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengulang kembali apa yang tertinggal dalam perbahasan semalam.

Kita melihat dalam masyarakat kita bukan sekadar kaum-kaum yang berbilang latarbelakang itu tidak dapat disatukan, tetapi UMNO sendiri pecah dua dan diharamkan. Golongan orang-orang yang bergelar di mahligai-mahligai pun semakin terbahagi dua dan jangan dibilang lagilah umat Islam yang diasuhkan dengan adap dan berpengaruh sekular yang ada di negara kita ini. Ini bererti Jabatan Perpaduan Negara telah gagal untuk mengatasi masalah perpaduan itu dan Dasar Ekonomi itu sendiri tidak berjaya menemui sasarannya. Malah pengarang buku "The Malay Dilemma" yang diberi untuk mengendalikan pentadbiran negara bukan sekadar tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab yang dimandatkan oleh rakyat untuk mewujudkan perpaduan, tetapi telah

tidak memenuhi kehendak bukunya sendiri. Sebagai pemimpin Kerajaan beliau gagal, sebagai penganjur parti politik juga beliau gagal.

**Tuan Abdul Rahaman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Pengkalan Chepa beri atau tidak?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Berilah.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak benarkan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Takut!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak sampai sebaris lagi saya bercakap. Sebagai pemimpin Kerajaan beliau gagal, sebagai penganjur parti politik beliau gagal dan sebagai pengarang pun tidak mampu melaksanakan cita-citanya. Kegagalan pemimpin itu adalah kegagalan negara dan rakyat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang minta apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya merayu penjelasan. Tadi minta, ini merayu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya cuba beri.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, merayu baru beri. Tuan Yang di-Pertua, tadi disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa Jabatan Perpaduan Negara gagal dan dalam ucapan yang telah, sedang dan akan diucapkan, membayangkan bahawa Perdana Menteri juga gagal dalam masalah perpaduan dan macam-macam cerita. Saya hendak tanya PAS itu buat apa? Minta penjelasan atas peranan PAS.

**Tuan Nik Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, belum PAS memerintah lagi.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, bila PAS boleh memerintah.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Cukuplah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, 7 kali pilihanraya, kalah, kalah so'mor, sentiasa kalah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang, sila duduk.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kegagalan pemimpin itu adalah kegagalan negara dan rakyatnya. Di samping kelemahan yang ada pada pemimpin-pemimpin Kerajaan, kegagalan itu adalah berpunca dari sistem yang lemah ciptaan manusia yang sememangnya tidak mampu untuk menyelesaikan masalah itu. Kami dari PAS, Tuan Yang di-Pertua, menganjurkan

segala-galanya, termasuk perpaduan, hendaklah dilihat dari kaca mata Islam, tetapi Kerajaan yang ada ini dari dahulu lagi berdegil hendakkan sistem demokrasi dan nasionalisme juga, sedangkan demokrasi dan nasionalisme tidak berdaya . . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang, minta penjelasan?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak bagi.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Hendak rayu juga baru beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sedangkan demokrasi dan nasionalisme tidak berjaya membanteras perkauman, diskriminasi, eksploitasi terhadap yang lemah, sassabiyah di mana-mana juga. Malah ia tidak mampu mahu memberikan keadilan yang hakiki kepada rakyat dan masyarakat. Sekalipun Amerika mendakwa bahawa ia jaguh demokrasi dunia dan Parti Demokrat Amerika mendakwa ia lebih liberal dalam soal kaum dan warna kulit dari lawannya, tetapi kegagalan para penyokong Parti Demokrat untuk menerima Jasey Jackson menjadi calon Presiden Amerika adalah disebabkan oleh perkauman, perbezaan warna kulit dan sassabiyah. Malah orang yang bertaraf pemimpin yang bakal mempunyai harapan baik . . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun. Minta apa, Yang Berhormat?

**Tuan Zubir bin Embong:** Minta Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta Penjelasan. Yang Berhormat, dari Pengkalan Chepa, bagi atau tidak?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau giliran saya, saya beri selalu, setiap kali dia bangun, saya duduk. Ini saya hendak minta penjelasan, tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti, Yang Berhormat, dia minta, merayu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Biarlah dia tunggu sekejap, biar dia tunggu sekejap.

**Tuan Zubir bin Embong:** Dia takut.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau saya berani pun tidak macam dia. Malah orang yang bertaraf pemimpin yang bakal punya harapan baik untuk menjadi Presiden Amerika seperti Michael Dukakis sendiri tidak terdaya untuk menerima Jasey Jackson sebagai calon Naib Presiden bagi parti. . . .

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Said:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sebut peraturan, Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Said:** 23 (1) (*k*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 31?

**Tuan Ismail bin Said:** 23 (1) (*k*). Nampaknya ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi telah pun campurtangan masalah negara asing.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 23. Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Said:** Ya, 23 (1) (*k*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu berkenaan dengan soalan-soalan.

**Tuan Ismail bin Said:** Ya, ini menyentuh negara asing yang bersahabat baik dengan Malaysia. Dia telah campurtangan dalam hal negara asing.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan itu berkenaan dengan soalan.

**Tuan Ismail bin Said:** Ianya seolah-olah pertanyaan juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh diterima, Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau hendak jadi pemburu lebih baik masuk hutan. (*Ketawa*) Kiranya beliau menang nanti akan tertonjol menjadi demokrasi dunia. Dia sendiri dilanda penyakit yang tidak membolehkan dia mengamalkan demokrasi sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem yang tidak bertolak dari semangat akidah ini belum mampu memberikan keadilan sepenuhnya kepada masyarakat. . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Oh, memang takut. Tetapi saya selalu berani dengan dia, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Dalam konteks di Malaysia, bila GERAKAN diberi kuasa di Pulau Pinang, Ketua Menteri yang telah melemahkan kedudukan orang Islam hingga mereka tidak mampu mempertahankan peratus keluasan tanah yang ada pada mereka, telah banyak rencana dan buku ditulis tentang diskriminasi Kerajaan Pulau Pinang itu, manakala Kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat pula kalau kita perhatikan memilih untuk. . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, beri atau tidak?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Berilah, steadylah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Berilah.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti, dia belum bersedia.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak bagi, dia tahu.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Mana saya tahu beri atau tidak. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak bagi.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** . . . .kecuali cakaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang, sila duduk!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Dia tidak bagi, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak bagi.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Cuba lagi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau kita perhatikan, memilih untuk memberi lesen dan kemudahan kepada tokoh-tokoh dan penyokong-penyokong UMNO Baru sahaja, pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong UMNO lama mulai hilang peluang untuk mendapat bahagian dalam mendapatkan lesen dan sebagainya. Kelantan pernah tidak diberi bantuan semata-mata kerana ia diperintah oleh PAS, kalau di kalangan UMNO sendiri menghadapi diskriminasi dari kalangan pemimpin UMNO yang berkuasa, maka jangan fikir ia boleh memberikan keadilan kepada orang-orang yang bukan UMNO dan orang-orang lain dari berbagai-bagai keturunan di negara ini. Bercakaplah sesedapnya dan berbohonglah acapnya.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan mereka yang menyuarakan demokrasi dan persamaan melalui slogan "Malaysia Untuk Orang Malaysia"

ataupun apa yang disebut "Malaysian Malaysia", saya ingin berkata memadailah dengan contoh dan perkembangan demokrasi dilaksanakan di Republik Singapura. Saya tidak berhajat untuk menyulitkan hubungan dua-hala antara negara itu dengan Malaysia apabila saya menyentuh perkara ini.

Pemimpin-pemimpin muda Singapura kini minta sokongan terbuka dari orang Melayu terhadap Parti Tindakan Rakyat (PETIR) atau PAP. Permintaan itu adalah disebabkan kaum minoriti di negara itu mulai mencari saluran untuk mendapat pembelaan. Sekiranya pemimpin-pemimpin Singapura mahu belajar dari sejarah bahawa antara yang menyebabkan dan memberikan kemenangan kepada PAP untuk berkuasa dalam tahun 1959 ialah sebahagian besar dari pengundi Melayu, boleh dikatakan kerusi yang dimenangnya adalah dari kawasan yang ramai pengundi Melayu tetapi kerana Kerajaan Singapura yang tidak terlepas dari prasangka perkauman dan diskriminasi kaum dengan menyoalkan kesetiaan mereka dalam ketenteraan dan sebagainya, mereka kini ke mana mereka mengundi ikut dipertikaikan juga. Ini adalah mencerminkan bahawa demokrasi tidak dihayati sepenuhnya. Pihak yang yakin kepada demokrasi jarang dipersoal secara terbuka atas kecenderungan mengundi rakyat.

Oleh itu hendaklah merenung semula kepada perpaduan yang dianjurkan oleh Islam yang menyebut bahawa perpaduan itu hendaklah diikat dengan "Tali Allah" atau "Hablum Minallah". Saya pernah menyebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali atas perkara ini. Hari ini saya hendak menekankan lagi kerana suasana perpecahan ini saya dapati bertambah berat dan parah dan pemimpin-pemimpin Kerajaan pun

asyik menyebut perkara perpaduan ini, baik dalam semak mahupun dalam SEMARAK. Tetapi yang saya dapati ucapan-ucapan yang disampaikan di majlis-majlis SEMARAK itu tambah menyemakkan lagi keadaan hingga Dewan ini pun sudah naik semak sama. Dahulu setengah dari Ahli-ahli Dewan ada di sebelah sana, hari ini di sebelah sini pula, tak semakkah lagi ini?

SEMARAK mengajar kita "Setia Bersama Rakyat". Hari ini saya hendak kata "Mari kita setia bersama Allah dan Islam". Kita telah melihat sudah banyak Kerajaan yang berpura-pura bertekad hendak mati bersama rakyat, tetapi menghancurkan rakyat. Jerman di bawah Nazi dan Hitler sebelum Perang Dunia Kedua dahulu ikut bertekad yang perjuangan setia bersama rakyat hinggalah Hitler mencipta motokar yang dinamakan Volkswagen, ertinya "kereta rakyat". Demikianlah kononnya kasihnya dan setianya Nazi dan Hitler kepada rakyat tetapi kerana rakyat diajak berpadu atas nama nasionalisme Nazi Jerman sekalipun peta Jerman berubah hingga seluas Eropah, ertinya negara-negara Eropah lain menjadi Jerman, tetapi akhirnya Jerman hancur dan sampai kini Jerman tidak berani menyebut perkataan "nasionalisme" dan sebahagian lagi dari bumi dan rakyat Jerman menjadi pak turut kepada Soviet Union.

Sekiranya kita kira pengalaman di negara-negara umat Islam yang lain atas masalah perpaduan ini, nescaya kita akan melihat banyak yang bersetuju untuk tidak bersetuju. Suasana itu adalah mencerminkan betapa tidak wujud perpaduan. Justeru itu, walaupun umat Islam ramai dan negara umat Islam banyak, tetapi ia tidak mampu menyelesaikan masalah Palestin. 18 tahun lalu, umat Islam membentuk OIC yang antaranya ada membincangkan masalah Palestin tetapi masalah orang

Palestin tidak juga terbela, malah dunia menyaksikan bahawa orang-orang Palestin yang beroperasi di Lebanon atau menumpang di Lebanon diusir oleh Yahudi sekurang-kurangnya dua kali di hadapan mata OIC sendiri. Sebelum OIC dibentuk, orang Palestin boleh menumpang di Lebanon tetapi sesudah OIC dibentuk, orang Palestin diburu lagi sesudah mereka diburu di bumi Palestin. Keadaan ini berlaku kerana tidak wujud perpaduan di kalangan umat Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tumpat.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik sekali apa yang disebut oleh Wakil dari Pengkalan Chepa baru sekejap tadi tentang peranan OIC dalam menghadapi problem di Palestin. Apakah yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa baru sebentar tadi memberi erti bahawa PAS tidak memberi sokongan kepada Pertubuhan OIC ini, ataupun kalau memberi sokongan, apakah pada pandangan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa peranan OIC di dalam Pertubuhan Negara-negara Islam Antarabangsa hari ini dianggap gagal oleh Wakil dari Pengkalan Chepa yang berkenaan?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan saya sudah terjawab—gagal. Rakyat Palestin masih tidak ada tempat lagi sekarang. Sebelum OIC dibentuk, orang Palestin boleh menumpang di Lebanon tetapi sesudah OIC dibentuk, orang Palestin diburu lagi sesudah mereka diburu di bumi Palestin. Ini kenyataan saya.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Apakah PAS sokong Pertubuhan Negara-negara Islam OIC ini dan apakah sikap parti PAS dalam menghadapi Pertubuhan ini?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak pernah baca suratkhbar dan apakah perlu saya beritahu kepada beliau sendiri kalau PAS bantu? Kalau Yang Berhormat baca suratkhbar, dia tahulah—bantulah.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu hendak apa?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Keadaan ini. . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Minta penjelasan. Tidak bantukah atau PAS minta bantuan?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak boleh beri, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tidak bantukah atau PAS minta bantuan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau saya pun dia tidak beri, memang betullah dia takut! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, sebab hari-hari kita bersidang dalam Dewan ini, kita berdoa, kita merayu minta taufik dan hidayah dan kita mengaku Dewan ini suci, jadi kalau. . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau saya beri jawapan, kalau saya melayan, tentu sengaja saya mendedahkan Dewan ini untuk melihat manusia-manusia yang kotor dan cemar duduk dalam Dewan ini.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat tidak boleh mensifatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Perkataan "manusia-manusia yang kotor dan cemar" itu tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, duduk dahulu!

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya boleh duduk tetapi tarik balik dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Marang duduk dahulu. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak boleh gunakan perkataan begitu terhadap semua orang termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila tarik balik perkataan itu. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Perkataan mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Perkataan yang mengatakan "kotor dan cemar".

**Tuan Zubir bin Embong:** "Kotor dan cemar", tarik balik!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Saya sokong, saya sokong!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, lain kali jangan campur, ya!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Apa tidak tarik balik itu!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya boleh tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bukan boleh tarik balik.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak bercadang hendak kata. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tarik balik, Yang Berhormat!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tarik balik. (*Tepuk*) Tetapi saya harap janganlah Yang Berhormat tunjuk kotor. (*Ketawa*) Dewan ini tempat orang mengeluarkan pendapat dan menerima pendapat, bukan tempat jenaka, tempat main-main. Kita datang untuk mewakili rakyat dan Yang Berhormat semua mewakili Kerajaan, apakah rupa Kerajaan seperti ini?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang minta apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, berikah atau tidak?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak beri.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Katalah tidak beri, mengapa lambat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya sudah kata!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apabila dia bangun dan minta penjelasan, terpulanglah kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa berikah atau tidak.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kena nyatakan dan jelaskan beritahu kepada kita berikah atau tidak beri.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Keadaan ini berlaku kerana tidak wujud perpaduan di kalangan umat Islam di negara-negara Islam, bukan mereka tidak mahu bersatu, mereka tahu pentingnya bersatu dan mereka mencuba untuk mewujudkan perpaduan, tetapi kerana masing-masing tidak mengenal apakah bentuk perpaduan yang dipesan oleh Allah iaitu "fisabilillah" iaini "Tali Allah".

Palestin lucut dari kekuasaan umat Islam baru sekali ini, sudah pernah bumi Nabi itu terlucut dari kekuasaan Islam, iaitu ketika berlaku peperangan Salib, tetapi maruah umat Islam itu telah ditebus oleh umat Islam melalui pimpinan seorang Mujahiddeen terbilang iaitu Sultan Sallahuddin Al-Ayubi, bukan kecekapan permainan pedang dan peperangan yang membantukan Palestin ditebus semula oleh tentera Sultan Sallahuddin Al-Ayubi. Tetapi jihad yang mampu menyatupadukan umat

Islam ketika itu yang membantu kemenangan itu. Kalau peperangan sahaja dijadikan alasan, maka apakah keupayaan umat Islam untuk menghadapi seluruh negara Eropah yang bersatu dalam Perang Salib itu, hanya sahaja yang menyatukan seluruh tenaga umat Islam dan akhirnya mereka berjaya. Afghanistan yang dilanda oleh tentera Soviet yang dibantu oleh tentera-tentera upahan dari Cuba, dari kalangan negara-negara umat Islam yang telah terbelunggu dengan ideologi Maxist telah mampu menghadapi Soviet Union yang ditakuti oleh Eropah dan lain-lain kelompok di dunia ini. Apakah rahsia Mujahiddeen Afghanistan dapat menewaskan Soviet Union yang menjadi kuasa besar mempunyai senjata yang tidak tolak bandingnya dengan Afghanistan, banyak pengalaman dalam peperangan dan penindasan ke atas bangsa-bangsa kecil di Eropah, Asia, Afrika dan Latin Amerika. Bangsa-bangsa Eropah terpaksa mengharapakan perlindungan NATO dan Amerika untuk memastikan keselamatan, tetapi segala kekuatan dan keagungan yang ada pada Soviet itu tersungkur di bawah tapak kaki Mujahiddeen Afghanistan. Segalagalanya ialah perpaduan dan jihad pasukan Afghanistan itu. Umat Islam yang dicemuh sebagai lebai dan fanatik oleh golongan sekular. . . . .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tumpat minta jalan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri. Umat Islam yang dicemuh sebagai lebai dan

fanatik oleh golongan sekular telah menamakan kumpulannya sebagai Mujahiddeen telah berjuang atas nama jihad untuk menghadapi pencerobohan juga pendudukan Soviet itu. Mujahiddeen itu sendiri dibahagi kepada tujuh kumpulan yang mempunyai pandangan sendiri dalam menghadapi pendudukan Soviet, suasana yang berbilang jemaah ini boleh menyebabkan mereka berpecah, tetapi mereka mempunyai pegangan yang satu iaitu "berjihad fisabilillah" atau berjihad pada jalan Allah. Jihad mampu menyatukan mereka dan jihadlah yang memenangkan mereka, bukan perang yang memenangkan Mujahiddeen dan menewaskan Soviet Union di Afghanistan. Afghanistan dengan kelemahan-kelemahannya tidak ada pengalaman dalam peperangan selain daripada mempertahankan diri dari ancaman luar, tidak tahu menggunakan senjata moden, tidak ada kapal terbang dan helikopter, tentunya tidak mampu untuk berhadapan dengan Soviet dalam peperangan yang terbuka. Kalau Hungary, Czechoslovakia, Poland dan lain-lain atas nama negara dan punya kelengkapan, tidak mampu berhadapan dengan Soviet maka sudah tentu Mujahiddeen yang tidak berkuasa, tidak dapat bertanding dengan Soviet, tetapi jihad yang menyatukan rakyatnya telah menewaskan Soviet dan Soviet terpaksa berundur.

Jihad Mujahiddeen itu bukan sekadar menyatukan hati-hati umat Islam Afghanistan tetapi ia telah dapat pula menyatukan hati orang-orang Islam lain termasuk orang-orang keturunan Islam yang menjadi rakyat Soviet Union itu sendiri, tidak siapa dapat memikirkan Soviet boleh ditewaskan oleh Mujahiddeen. tetapi itulah yang terjadi bahawa Mujahiddeen yang serba kekurangan itu telah dapat menunjukkan contoh dan formula perpaduan yang terbaik.

Saya ingin menarik perhatian Dewan Rakyat yang mulia ini bahawa rakyat dari berbagai-bagai latar-belakang ini tidak akan dapat didekatkan hati-hati mereka selagi negara dan para pemimpin meneruskan pendekatan perpaduan yang diamalkan sejak merdeka dan dibaharu sejak Dasar Ekonomi Baru dicipta. Kerajaan akan terus mengeluarkan belanja atas nama perpaduan, tetapi masalah perpaduan terus tidak wujud.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, Allah yang membukakan pintu kejayaan sekiranya Dewan ini dapat menerima jihad untuk perpaduan, Al-  
 ampa ayat 63 juzuk ke 10 bermaksud:

"Dan dialah yang menyatupadukan di antara perasaan hati mereka yang beriman itu, kalaulah anda membelanjakan segala harta benda yang ada di bumi nescaya anda tidak dapat juga menyatupadukan perasaan hati-hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan perasaan hati mereka sesungguhnya Ia maha kuasa lagi bijaksana".

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
*(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tumpat minta jalan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**  
 Saya hendak tanya dari segi ilmu ini bukan hendak perlu PAS.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang memberi kesempatan untuk saya meminta penjelasan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah tentang penyatuan kononnya seolah-olah penyatuan tidak wujud dalam negara kita hari ini, dan meletakkan sebab tidak wujud itu ialah disebabkan masalah kepimpinan Kerajaan yang

ada hari ini. Setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa masalah penyatuan ini yang berlaku dalam negara kita di antara sebabnya mengapa berlaku demikian di kalangan umat Islam, di kalangan orang Melayu ialah kerana adanya satu pertubuhan parti politik yang bermain politik dengan memperalatkan agama sehingga menghukumkan kepada orang ramai yang tidak cukup dengan pertubuhan mereka dengan fatwa-fatwa yang anih-anih dan pelik-pelik dan perkara yang seumpama ini pernah berlaku di banyak negara-negara Islam, di Timur Tengah, Asia, Indonesia sendiripun sebelum ini berlaku perkara-perkara yang seumpama ini hingga menimbulkan satu keadaan huru-hara yang amat ketara sekali terutamanya di kalangan orang ramai yang terdiri daripada orang awam. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat!

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** . . . . . yang begitu sayang kepada agama Islam. Jadi, di akhir-akhir ini pertubuhan-pertubuhan yang demikian di negara-negara Islam itu sudah pun tidak ada dan negara-negara yang sudah tidak ada itu aman, tetapi hari ini pertubuhan yang seumpama itu masih ada di Malaysia ini menyebabkan kita menghadapi keadaan ini amat teruk sekali.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat!

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan yang kedua, dibaca ayat. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Panjang sangat Yang Berhormat.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Penjelasan yang kedua ayat yang dibaca tadi, kepada orang yang tidak tahu binggung juga memikirkan kerana begitu fasih sekali disebut oleh wakil dari Pengkalan Chepa, tetapi memang benar bahawa Allah menyatupadukan, tetapi penyatuan yang ditentukan oleh Allah lazimnya ada sebab-musababnya, kalau tidak ada sebab-musabab yang berlaku di negara kita, menyebabkan tidak ada penyatuan itu, banyak sebab itu faktornya adalah pada hemat saya kerana wujudnya parti yang memperalatkan agama bagi tujuan politik mereka untuk menang pilihanraya.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau soalan semacam ini saya ucapkan terima kasih, saya boleh jawab.

Saya dukacita dan saya sayang, sepatutnya dia tolong memberi penjelasan kepada saya, memberi hujah kepada saya kerana dia datang dari seberang laut, dia menerima banyak kebenaran-kebenaran yang saya guna pada hari ini.

Saya hendak bertanya balik Yang Berhormat ini, dia tidak bacakah ayat yang bermaksud:

“Tuhan sudah menceritakan dalam ayat itu inilah jalan

Ku iaitu Islam, jalan yang lurus. . . . .”

“Dengan sebab Islam di jalan yang lurus. . . . .”

“Hendaklah kamu ikut Islam sahaja. . . . .”

“Lain daripada jalan Islam. . . . .”

Jangan ganggu saya, jangan jadi budak-budak macam ini, jangan jadi budak-budaklah, kalau hendak jadi budak-budak minta duduk sini, saya pergi balik ke sebelah sana.

“Jangan kamu ikut selain daripada jalan Islam. . . . .”

“Tinggal Islam ambil jalan lain. . . . .”

sosialiskah, kapitaliskah, nasionaliskah, kebangsaankah, UMNO-kah, Tuhan sendiri sudah mengisytiharkan akan berlaku berpecah-belah. Inilah punca berpecah-belah UMNO hari ini kerana dasar nasionalis, dasar itu sendiri memecahbelahkan, takkan dia tidak faham?

Yang keduanya, kelmarin Wakil Kuala Terengganu telah buat fitnah kepada PAS kerana PAS berpecah-belah, saya tidak mahu ungkit perbuatan buruk UMNO walau dia lebih buruk tetapi saya tidak mahu ungkit, pihak saya tidak ganggu, tetapi dia buat fitnah hari ini saya jawab.

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Dia kata PAS memperalatkan Islam untuk kepentingan politik. Saya minta Wakil Kuala Terengganu baca dan faham satu ayat: “wajahidubillahi haqqa jihadih wajtabakum”.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pendang dahulu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu—saya dahulu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sabar dahulu, saya tidak habis lagi jawab hak dia. Biar saya jelaskan dia dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pendang, sila duduk. Biar dia habis.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya hendak jawab hak dia. Dia tahu “wajahidufisabilillah”, Tuhan berfirman hendaklah kamu berjihad untuk Allah.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Dia tahu “jahidu” itu siapa dia. Bukan saya seorang, termasuk dia. Mana orang Buddha menentang Buddha, mana orang Hindu menentang Hindu, mana orang komunis menentang komunis—tidak ada. Komunis mesti berjuang untuk komunis, Hindu berjuang untuk Hindu. Tetapi orang Islam menentang Islam, bukan Islam. Ini masalahnya “wajahidufillah”.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Jangan bangun lagi. Sebentar tadi minta saya jawab, biar saya jawab dahulu. Boleh?

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** “Wajahidu” itu siapa dia. Dia tahulah, bukan saya, semua orang Islam kena berjihad untuk jalan Allah. Dan saya parti PAS ini saya hujah Islam kerana dasar politik saya Islam, tetapi UMNO apa kena-mengena dengan Islam kerana dia dasar kebangsaan.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Dialah memperalatkan agama untuk kepentingan politik. Saya ada hak menerangkan Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat

dari Kuala Terengganu minta penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya minta penjelasan. Dia sebut tadi Wakil daripada Kuala Terengganu. Boleh saya hendak baca ayat ini. Dia baca ayat. Saya hendak baca ayat lain.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Biar saya jawab dahulu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tidak berani, berilah peluang saya hendak baca ayat ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Inilah susahnyanya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Beri dia jawab.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Biar saya jawab dahulu. Selalu kita dengar cemuhan dan tuduhan daripada orang UMNO mengatakan PAS memperalatkan agama. PAS dasar politik Islam dan PAS memperjuangkan Islam itu sendiri, PAS tidak memperalatkan. Tetapi UMNO dasar politik kebangsaan menggunakan Islam, dialah yang memperalatkan Islam, dan pernah dia tuduh PAS ini kalau memerintah potong tangan, PAS kalau memerintah hambat Cina buang ke laut. PAS kalau memerintah potong "lancau" (*Ketawa*). Ini rekod yang buruk, rekod yang sengaja (*Ketawa*) menyebabkan orang bangsa asing takut kepada Islam.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Setar.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau takut kepada PAS tidak apa, ini takut kepada Islam, orang Islam sendiri mengugut.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Peraturan Mesyuarat boleh.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Peraturan Mesyuarat 36 (4): "Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang Ahli menggunakan bahasa biadap". Tadi dia kata ada potong. . . . (*Ketawa*) dan perkataan itu adalah biadap. Saya minta Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menarik balik perkataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Apa perkataan itu Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang Berhormat tidak potong lagikah? (*Ketawa*)

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Saya kurang jelas. Tetapi perkataan itu bermula dengan . . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya mahu cerita UMNO buat tuduhan—bukan saya kata.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati maka saya minta Ahli dari Pengkalan Chepa menarik balik perkataan yang biadap itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Perkataan apa Yang Berhormat (*Ketawa*). Saya kurang faham. (*Ketawa*)

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Mengikutnya ialah potong "lancau". (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Potong apa? Saya kurang jelas Yang Berhormat (*Ketawa*). Nanti, saya minta Setiausaha, Encik Ghazali. Saya kena ambil advice. (Encik Ghazali menjelaskan perkataan itu kepada Timbalan Yang di-Pertua).

Benarkah Yang Berhormat kata perkataan itu? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata, saya mahu cerita orang UMNO buat fitnah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Walau bagaimanapun Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa baru saya sedar apa Yang Berhormat kata. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Bagus, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh begini Yang Berhormat. Saya beri amaran, jangan gunakan perkataan itu dan tarik balik sekarang.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sebab apa yang saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya tidak boleh terima Yang Berhormat. Saya tidak dengar tadi, tetapi sekarang sudah jelas (*Ketawa*). Tarik balik.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya boleh tarik balik, tetapi saya hendak jelas dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bukan boleh—tarik balik.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak mengapalah, saya tarik balik (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya dapat teruskan ucapan saya ini.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tumpat, minta penjelasan?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Janji tadi sedikit sahaja. . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Fahamkah jawapan saya?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Saya boleh? Tidak faham apa Yang Berhormat kata?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau faham cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan berbuat begitu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak benar.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tidak benar? Ayat yang dibaca itu amat mengelirukan. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, kalau dia tidak beri, tidak boleh.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Ayat itu amat mengelirukan, dia meletakkan: siratim mustaqim fattabuih itu meletakkan ikut PAS, tidak ikut Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Walau bagaimanapun tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Cuba tengok dia putar (*Ketawa*). Saya tidak suruh ikut PAS, ikut Islam, manusia seperti inilah membawa kepada sesat manusia lain ini. Saya tidak kata ikut PAS. PAS tidak ada apa-apa—Islam.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Beri peluang untuk saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ia minta peluang.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri (*Ketawa*) habis masa.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak minta sebab dia sebut Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi, saya pun hendak baca ayat lain ini, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Takut, cabar-cabar tetapi tidak berani beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila menyambung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, hendaklah dia mengerti bahawa jihad tidaklah bererti mengangkat senjata dan membunuh orang-orang yang tidak Islam. Jihad adalah sesuatu perjuangan dan pengabdian diri kepada Allah dengan bermujahadah itulah orang-orang Islam boleh mencapai kejayaan. Sekiranya kita bermujahadah dalam ketenteraan maka kita boleh mempertahankan negara kita dari ancaman musuh dan boleh pula mengalahkan musuh. Sekiranya bermujahadah dari segi pembangunan bagaimana Iran membangunkan ekonomi dan pertaniannya melalui program pembangunan jihad "sizintaqi", insya Allah, pembangunan dan pertanian tadi akan dapat berkat dari Allah. Demikian juga jika pelajaran dan pendidikan diasaskan atas kehendak jihad, percayalah negara akan dapat melahirkan generasi yang akan datang sebagai insan yang berpelajaran, yang sehat, gagah, soleh dan berjiwa bersih serta beriman dan bertaqwa kepada Allah s.w.t.

Sesudah kita belajar dari pengalaman mujahidin di bawah Sultan Salehuddin Al Ayyubi dan kemudian di bawah Golbooddin dari Afghanistan maka kita dapat meyakinkan kita telah bertemu perpaduan yang hakiki dan dengan itu tidak berbangkit lagi berapa peratus umat Islam di negara dan ramai mana rakyat Malaysia untuk hidup di tengah-tengah Asia Tenggara yang menjadi rebutan semua kuasa dunia sekarang dan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perpaduan melalui jihad ini dapat diterima oleh rakyat Malaysia, nescaya sekalian pemimpin-pemimpin palsu dan perpaduan-perpaduan palsu akan gugur dengan sendirinya, tetapi yang menang nanti ialah rakyat yang sentiasa yakin dengan jihad.

Sekiranya perpaduan dan pembangunan kita diasaskan kepada jihad, Malaysia akan terkenal di dunia selepas Afghanistan. Afghanistan tidak ada bijih, tidak ada getah dan sawit, tidak ada petrol kini menjadi sebutan dan dihormati di dunia maka tentunya Malaysia yang ada segala-galanya itu amat lebih terkenal pada ketika itu dengan bersenjatakan batu-batu kecil rakyat Malaysia yang bermujahadah boleh menggegarkan tembok Bangsa-bangsa Bersatu, boleh menggemparkan Rumah Putih Washington dan boleh menggoncang tembok Kremlin, apatah lagi kalau ditangan ada alat pertahanan yang bernilai \$4.4 billion yang baru dibeli dari England. Tetapi kalau umat Islam mengenenipkan jihad maka alat pertahanan berharga \$4.4 billion juga akan hangus tetapi kemenangan belum tentu tercapai.

Kita harus betapa umat Islam Mesir telah berbelanja lebih daripada \$4.4 billion untuk menghadapi ancaman Israel di zaman Jamal Abdul Nasir dahulu. Tetapi kerana perjuangan itu sosialisme, nasionalisme Arab Mesir, maka senjata yang berbillion-billion

dari Amerika dan Soviet Union itu habis jadi abu dan arang tetapi musuh tidak dapat ditewas.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya tidak menganjurkan Malaysia mesti berperang, tetapi untuk keselamatan Malaysia dan rakyatnya yang berbilang kaum dan agama maka perpaduan yang berasaskan kepada jihad mampu menembusi sasarannya. Saya anjurkan negara ini bagi memastikan segala perancangan dan persiapan pertahanan yang menelan perbelanjaan yang banyak itu dapat memberi manfaat sebagaimana yang dihajati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Saya ingin menarik perhatian terhadap keputusan Presiden Reagan menandatangani rang undang-undang pada 1hb Oktober lalu yang meluluskan wang sejumlah AS\$14.3 billion atau M\$37.3 billion sebagai bantuan tentera dan ekonomi bagi negara-negara asing. Antaranya Malaysia perolehi peruntukan sebanyak AS\$1.1 juta atau M\$2.76 juta. Geran untuk tahun 1989 itu nampaknya sangat sedikit dibandingkan dengan yang diberi kepada Israel sejumlah \$3.12 billion untuk bantuan ekonomi dan M\$4.68 billion bantuan ketenteraan. Bagaimanapun Amerika ikut membantu Mesir sejumlah \$M2.12 billion untuk ekonomi dan M\$3.12 billion untuk ketenteraan. Oleh kerana Malaysia perolehi habuan sekadar \$2.76 juta tentunya Kerajaan Malaysia merasa gembira dalam suasana ia kini sedang memperkuat kedudukan pertahanannya. Bantuan sejumlah \$2.76 juta itu tentunya tambahan kepada peruntukan pertahanan dari pembelian senjata dari Britain yang sejumlah \$4.4 billion yang telah disetujui antara kedua belah pihak Malaysia dan Britain baru-baru ini.

Sebagai sebuah negara yang kononnya menyokong memperjuangkan rakyat Palestin untuk

mendapat hak-hak di dunia ini, apakah Malaysia gembira melihat bantuan Amerika kepada Israel sejumlah \$7.8 billion. Bantuan yang diberi kepada Malaysia cuma \$2.76 juta, tetapi kepada Israel adalah \$7.8 billion, bukan \$7.8 juta. Kita tentunya tidak dapat mengharapkan bahawa Amerika akan memberi kita sama banyak dengan diberikan kepada Israel atas sebab yang kita sendiri pun faham. Tetapi wang sejumlah \$7.7 billion untuk Israel dan adalah untuk memusnahkan terus saki-baki orang Palestin yang masih ada di wilayah yang diduduki oleh Israel itu yang dikuasai oleh orang-orang Arab. Selain daripada ianya digunakan untuk mengajar Palestin, kita percaya, Tuan Yang di-Pertua, ia juga adalah untuk mengajar teruk negara-negara Arab ataupun negara-negara umat Islam yang memberikan bantuan dan simpati kepada perjuangan umat Palestin dan Arab seluruhnya. Walaupun Amerika juga memberi bantuan yang besar kepada Mesir iaitu \$5.24 billion, apakah pemberian itu menyebabkan orang Palestin dan orang Islam seluruhnya boleh gembira. Amerika tentunya tidak akan memberi bantuan begitu sahaja kepada Mesir kiranya tidak ada sesuatu yang menyakinkan Amerika terhadap Mesir.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Mesir dengan ini tidak lagi dapat memainkan peranannya untuk membela perjuangan rakyat Palestin. Sudah tentu Amerika tidak akan mengeluarkan barang satu sen pun kalau ada niat Mesir untuk menghalang Israel dari meneruskan kekejamannya. Apa juga niat Mesir dalam perkiraan hingga Amerika sanggup memberikan bantuan yang besar itu tidak penting. Tetapi Amerika tentulah tidak bimbang akan risiko dari pemberiannya itu. Mungkin Mesir lebih tahu akan keperluannya. Tetapi yang membimbangkan kita

ialah kalau ia sebagai satu cara untuk menghangatkan lagi suasana perang yang baru reda antara Iran dan Iraq sekarang. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak yang suka negara-negara di rantau Teluk itu berperang ialah Amerika dan Soviet Union. Selain daripada ia melakukan barangan, peluru yang dihasilkan oleh negara pengilang di Barat dan Blok Soviet, peperangan itu boleh mengencatkan program pembangunan Islam adalah oleh masyarakat rantau Teluk serta dapat menyelamatkan kekalahan Israel di tengah-tengah orang Islam yang lebih 100 juta penduduk itu.

Saya menyeru negara umat Islam yang tidak terdaya lagi untuk meneruskan membantu perjuangan rakyat Palestin hendaknya mengambil kesempatan dari bantuan Amerika itu untuk membangun kekuatan sendiri dan tidak menjadi diri sebagai jambatan Amerika untuk dituju kepada pihak ketiga yang kebetulan perbezaan pendirian dengan Amerika.

Dalam bantuannya kepada Malaysia ia nampaknya dibuat oleh Amerika, bukan kerana Malaysia perlu membangun pertahanannya tetapi lebih banyak didorongkan oleh adanya suasana yang terumbang-ambing di Kampuchea dan wujudnya Pengkalan Tentera Soviet di Teluk Cham Ranh di Vietnam. Sekiranya pengaruh Soviet itu sekadar mengancam Malaysia, saya percaya Amerika tidak menaruh apa-apa minat untuk membantu Malaysia. Tetapi kerana akibat daripada pengaruh Soviet di Asia Tenggara itu ikut merbahayakan keselamatan Amerika maka Amerika berminat untuk membantu Malaysia. Tetapi dari berita yang saya baca di akhbar bahawa bantuan Amerika sejumlah \$2.76 juta itu tidak akan dikeluarkan barang satu sen pun di Malaysia, ia adalah untuk perbelanjaan melatih seramai 122 orang pegawai tentera Malaysia di Amerika dalam tahun

1989 nanti. Walaupun bantuan bertambah dibandingkan dengan \$2.34 juta bagi tahun 1988 dan \$2.26 juta tahun 1987, tetapi ia melibatkan latihan yang diadakah di Amerika.

Mungkin kita boleh berbangga kalau kita dapat latihan percuma, latihan percuma adalah lebih beruntung daripada latihan berbayar. Tetapi yang penting di sini ialah Amerika tidak memberikan kemudahan dan bantuan percuma sekiranya tidak ada apa-apa manfaat bagi pihaknya. Kebimbangan saya ialah nanti pemimpin tentera itu pulang dengan semangat Amerika sedangkan kita adalah negara menginginkan satu semangat jihad yang diyakini dapat menjamin pertahanan dan kedaulatan Islam di Malaysia.

Saya bukan anti Amerika secara membuta-tuli, tetapi saya bimbang pengaruh Amerika yang begitu kuat akan melambatkan usaha membangunkan negara secara Islam di Malaysia. Asas kebimbangan saya itu, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita lihat dari adanya cerdik-pandai Islam yang melanjutkan pelajaran Islam juga pergi ke Amerika. Antara mereka ada yang menjadi dekan di Universiti Kebangsaan. Dapatkah kita gambarkan bagaimana seorang dekan Fakulti Islam menulis secara tidak cermat bahawa di zaman Nabi s.a.w. juga ada tarian. Dalam suasana umat Islam dikelirukan oleh pengembang-pengembang anti Hadis dan suasana umat Islam mencari sesuatu yang benar dari Islam, tulisan dan pandangan yang menyebut dalam zaman Rasulullah s.a.w. ada tarian adalah amat mengelirukan. Tetapi tidak dinafikan bahawa sebelum Rasulullah s.a.w. dan juga semasa Rasulullah ada tarian, tetapi hendaklah dijelaskan bahawa yang suka menari dan suka berdongang di zaman itu ialah Abu Lahab dan geng-gengnya. Kadang-kadang terdapat

hukum diturunkan oleh Allah berperingkat-peringkat seperti arak misalnya hukum hijab sendiri tidak datang segara tetapi sesudah pernah wanita di zaman Baginda tidak berhijap.

Dengan ini bahawa setahun lebih Fakulti Islam UKM tidak mengadakan mesyuarat. Lazimnya seseorang menjadi dekan adalah untuk 2 tahun. Dalam setahun dua bulan ini, Fakulti itu sudah mempunyai 2 dekan. Kedua-dua dekan belum mengadakan mesyuarat. Adakah tidak Fakulti tidak perlu mengadakan mesyuarat di kalangan staff akademiknya? Tetapi saya percaya bahawa kegagalan mewujudkan perpaduan oleh pentadbir Fakulti Islam dan dari universiti yang ditegakkan atas semangat rakyat menyebabkan dekannya yang lemah dan tidak berwibawa tidak mampu mengadakan mesyuarat. Kalau mesyuarat pun tidak mampu diadakan, maka bagaimana kemajuan Islam hendak dipupuk di universiti itu melalui Fakulti Islam?

Dekan sekarang mendapat latihan di Amerika.

Kalau orang berpendidikan agama boleh pulang dengan pandangan yang asing dari yang difahami oleh pak-pak lebai dan lulusan Azhar yang lain, maka apakah yang tidak boleh mendorong pegawai-pegawai tentera yang dilatih di Amerika mempunyai pandangan yang membimbangkan kita tentang Islam. Kalau yang tidak ke Amerika pun merasakan orang-orang yang digerakkan dengan gerakan dicemuh sebagai pelampau atau penganas, maka apakah yang boleh kita meyakinkan orang-orang yang ke Amerika yang diasuhkan oleh tentera Amerika tidak terbasuh otaknya? Amerika telah belajar dengan membekalkan senjata kepada Shah Iran menyebabkan senjata itu digunakan oleh orang Iran untuk

menentang Amerika. Justeru itu, Amerika tidak mahu mengulangi kesilapannya di Malaysia. Amerika tidak mahu membekalkan senjatanya yang secukupnya kepada Malaysia kerana takut pengalaman Shah Iran dahulu berulang.

Oleh itu, sekalipun Amerika melihat berkembangnya pengaruh dan kesan Pengekalan Tentera Laut Soviet Union di Laut China Selatan, ia belum bersedia untuk memberikan bantuan senjata. Sekiranya Malaysia memerlukan senjata, maka ia terpaksa membeli. Justeru itu, untuk tahun 1989 nanti, ia menjual sejumlah M\$61.9 juta tetapi dalam bantuan adalah lebih baik ia menerima tentera Malaysia untuk dilatih. Tidak salah bagi pegawai-pegawai tentera terlatih di mana-mana juga di dunia ini. Ini memungkinkan tentera kita mempelajari teknologi dan teknik pertahanan termoden dari berbagai sumber dan pengalaman. Kita mengharapkan tentera yang dilatih di Amerika itu dapat membawa pulang ilmu yang berguna untuk negara yang ramai orang-orang Islam tetapi kita harus waspada bahawa Amerika tentunya tidak akan mencurahkan segala ilmunya sekiranya dirasakan bahawa orang yang menerima ilmu itu tidak menguntungkannya atau tidak menjamin kepentingannya.

Kita hendaklah belajar dari jiran kita yang terhampir bahawa satu masa dahulu negara itu terkenal dengan kekuatan tenaga umatnya, keupayaan rakyat menyuarakan kepentingan umatnya begitu disegani oleh dunia; ia terkenal punya keperibadian tersendiri, tetapi sejak tentera-tenteranya yang terlatih di Amerika memperolehi peranan yang penting dalam negara itu, maka kini suasana umat negara itu adalah ibarat menangis tak berlagu. Apa yang perlu saya ingatkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya kita mencari kekuatan dan kestabilan sendiri. Ilmu

pertahanan yang diperolehi dari luar itu hendaklah disesuaikan dengan kehendak jihad yang kini mulai dihayati oleh rakyat dan umat. Bantuan luar dan latihan dari luar janganlah hendaknya melemahkan roh jihad, kerana ia pasti dapat menyelamatkan kita ialah membangun kekuatan dengan jihad.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula masalah ISA sebagaimana usul yang dikemukakan sekejap tadi. 27hb Oktober kelmarin, genaplah setahun Menteri Dalam Negeri menahan 119 orang pemimpin politik, tokoh kesatuan sekerja dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Tangkapan borong yang tidak bermaruah setahun dahulu itu masih belum dilupai oleh orang ramai khususnya keluarga mereka yang masih ditahan. Walaupun Kemah Tahanan Kemunting kini mulai kurang penghuninya, kerana antara 119 orang yang ditahan dahulu sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, tetapi bilangan orang yang benar-benar ditahan dahulu sudah dibenarkan pulang ke rumah, tetapi bilangan orang-orang yang benar dibebaskan tidaklah ramai, cuma yang bebas ialah mereka yang tidak dibawa ke Kamunting setelah genap dua bulan duduk dalam siasatan Polis.

Saya pernah bercakap atas masalah ini dahulu dan sebagai bekas tahanan ISA, saya tahu betapa sengsarnya duduk dalam kurungan, terpisah dari isteri dan anak-anak yang memerlukan kemanjaan seorang ayah. Kalau pemimpin-pemimpin UMNO sendiri terharu ataupun pilu apabila anak-anak gadis masing-masing terpisah dari keluarga kerana memilih suami dari orang putih misalnya, ataupun orang bukan Melayu dan sebaliknya, kalau para Menteri antaranya sengsara kerana terpisah dengan isteri atas sebab-sebab hidup tak bersesuaian, maka sanak saudara, isteri dan anak-anak orang tahanan lebih sengsara dan

tambah pilu apabila terpisah dengan orang yang ditahan itu sedangkan langkah menahan mereka itu adalah tindakan sewenang-wenangnya dari Kerajaan dan pemimpinnya yang rakus yang mahu mempertahankan kuasanya.

Walaupun bilangan yang dikurung di Kamunting itu sudah berkurangan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini tidak bererti Kerajaan betul. Bilangan tahanan yang sedikit tidak bererti Kerajaan tidak melakukan kezaliman. Bagi saya, sama ada seorang itu ditahan di Kamunting atau dikenakan tahanan rumah di waktu malam, dan tahanan daerah di waktu siang, seperti sahabat-sahabat saya dari DAP dalam Dewan ini adalah sama sahaja. (*Tepuk*) Sekalian yang dibebaskan dari kemah Kamuning seperti Khalid Abdul Samad, Haji Suhaimi Said, Bunyamin Yaakob dari PAS dan Dr V. David dan Dr Tan Seng Giaw dari DAP dan lain-lain adalah dikenakan sekatan kebebasan, mereka tidak dibenarkan meninggalkan daerah polis, tidak dibenarkan keluar dari rumah sebelah malam, tidak dibenarkan berpolitik dan tidak dibenarkan bergerak dalam masyarakat dan lain-lain lagi. Ertinya mereka di dalam ditahan dan di luar pun ditahan. Mereka juga dibebaskan tetapi tidak bebas dan orang yang tidak bersalah dari segi jenayah ini sekiranya melanggar pantang larang ISA itu akan menjadi orang salah pula dan boleh dikenakan hukuman dan diISAKAN lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa setuju dengan Yang Berhormat wakil Kok Lanas yang mengatakan bahawa tindakan tahanan ISA itu salahguna undang-undang dan kuasa. Oleh itu tangkapan tahanan dan pembebasan bersyarat ke atas bekas-bekas penghuni kamunting itu adalah salah satu lagi bentuk salahguna kuasa dan undang-undang dan dengan ini adalah suatu kezaliman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyeru Kerajaan supaya membebaskan sekalian yang masih ditahan (*Tepuk*) dan dikenakan tahanan dalam daerah polis tanpa syarat. Seluruhnya tahu bahawa tangkapan dahulu kerana adanya kegelisahan antara kaum yang diapi-apikan oleh UMNO dan MCA. PAS tidak ada kena mengena dengan keresahan itu. Tentangan PAS terhadap tangkapan itu bukanlah kerana 15 orang PAS ditangkap dan 10 daripada mereka ditahan, kemudian 5 dikeluarkan dari Kamunting bagi ditahan di daerah masing-masing. Tentangan PAS terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri yang tidak menyelamatkan rakyat itu adalah satu Akta yang zalim, yang bercanggah dengan prinsip islam, demokrasi dan lain-lain prinsip tamadun; ia tidak memberi peluang membela diri kepada yang ditahan; ia memberi kuasa terlalu luas kepada Menteri dan Polis; ia boleh digunakan oleh orang yang berkuasa untuk menindas lawan dan orang-orang yang menyainginya. Orang-orang yang mengapi-apikan sengketa itu terdiri dari Menteri Penerangan, Menteri Pertanian, Menteri Belia dan Sukan, Menteri Buruh dan Menteri Besar Selangor duduk senang lenang dengan anak dan keluarga masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri yang merancang Perhimpunan Besar-besaran Orang Melayu kononnya untuk menyambut ulangtahun UMNO ke-40 berehat sebentar kira-kira dua bulan di England tetapi balik hidup bersukaria dengan keluarga dan rakan-rakan. Angkara mereka negara menjadi tegang dan bagi mengatasi ketegangan itu, orang lain dijadikan mangsa.

Sahabat saya Ahli Parlimen dari Pasir Mas, ADUN Kawasan Pandan di Selangor dan seorang pemimpin dari Pemuda UMNO Semangat 46 dari Pasir Salak terpaksa menjadi mangsa

tindakan polis di kota, Kerajaan yang kotor sekarang ini. Orang-orang itu ditahan untuk menjadi alasan bahawa Kerajaan juga menahan penyokong Kerajaan pada masa itu. Kemudian orang itu dibebaskan sesudah mereka diberi layanan yang baik di banglo yang besar. Alhamdulillah Kerajaan nasib tak baik pula, mereka semua menjadi musuh terbuka dengan Kerajaan sekarang ini. Malang sekali, hambat burung terbang, kura-kura di kaki terlepas. Walau bagaimanapun, mereka kalaupun bersalah adalah kerana menyokong supaya Akta jahat itu diwujudkan, tetapi dibandingkan peranan dan Akta perkauman yang mereka takukan tidak ada apa-apa dibandingkan dengan kenyataan 4 orang Menteri dan seorang Menteri Besar. Apabila kita meneliti tuduhan yang dikenakan kepada tahanan PAS, maka kesalahannya ialah kerana membuat ucapan entah berapa tahun lalu. Ini pun terlalu kabur dan tidak dapat dibuktikan kata-kata mereka itu sudah menimbulkan ketegangan. Belum ada perkelahian yang mengancam keselamatan timbul dari ucapan petugas-petugas PAS yang ditahan itu.

Kejatuhan harga eksport Malaysia yang menjejaskan ekonomi negara bukanlah disebabkan oleh ucapan petugas-petugas PAS yang ditahan itu. Paling aneh, Tuan Yang di-Pertua, dari tindakan Kerajaan itu beberapa orang dari Kelantan telah dituduh menjadi Jundullah iaitu tentera Allah. Jundullah itu kononnya hendak menggulingkan Kerajaan secara revolusi. Jundullah adalah suatu kalimah yang baik dan setiap umat Islam adalah dituntut untuk menjadi Jundullah kerana Jundullah itu adalah mulia di sisi Allah.

Adalah lumrah bagi seseorang Islam bercita-cita untuk menjadi Jundullah. Oleh itu kiranya ada orang Islam mahu menjadikan dirinya Jundullah dia adalah suatu yang baik kerana itulah

pemuda-pemuda Islam yang menghayati Islam dan jihat mahu menjadikan dirinya Jundullah. Tuhan sendiri telah mengakui di dalam Al-Quran-ul-Karim seperti maksudnya "Allah ada mempunyai tentera-tenteranya, askar-askarnya di langit dan di bumi." Orang-orang UMNO sahaja tidak mahu menjadi tentera Allah kerana dia mahu menjadi tentera hantu dan taghud.

Tuan Yang di-Pertua, setiap umat Islam adalah dituntut untuk menjadi Jundullah. Malangnya, sebuah negara umat Islam yang mendakwa Islam menjadi agama rasminya merasa gerun dengan kalimah Jundullah. Bagaimana satu ketika dahulu mereka gerun pada kalimah Islam sehingga ada suara di kalangan UMNO mendesak pihak Kerajaan supaya mengharamkan perkataan "Islam" yang menjadi simbol perkataan Parti Islam.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tindakan ini disuarakan oleh orang lepasan Al-Azhar sendiri bukan dari golongan Juhala. Dalam tuduhan terhadap orang-orang yang dianggap kumpulan Jundullah itu disebutkan bahawa. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Walaupun saya tidak mahu kacau, saya mahu ambil perhatian Tuan Yang di-Pertua. Tidak cukup bilang. Sudah lama tidak cukup bilang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak cukup bilang, berapa? Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, duduk!

**Dr Eng Seng Chai:** Tidak cukup. 22 sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** 22. Bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan. Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** 29. Boleh teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang di-Pertua, dalam tuduhan terhadap orang-orang yang dianggap menganggotai kumpulan Jundullah itu disebutkan bahawa dia mempunyai imam dan pemimpin-pemimpin. Imam itu kononnya Ustaz Abdul Aziz Mohamad. Beliau ditahan dua bulan kemudian dibebaskan. Demikian juga Ustaz Omar Khalid dari Kelantan kononnya pemimpin penting Jundullah. Beliau kini sudah dibebaskan dari Kemunting dan berada dalam keadaan buang daerah. Tetapi ahli-ahli biasa seperti Tengku Shukri dan Zainuddin Abdullah yang pengaruhnya tidak begitu besar masih lagi ditahan di Kemunting.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat mereka yang berada di dalam Dewan yang mulia ini yang siapa tahu mungkin menjadi penghuni khemah tahanan Kemunting seperti wakil dari Kota Tinggi dan Kangar ataupun juga dari Gua Musang dan Johor Baharu dan anggota Kumpulan Semangat 46 yang saya agak khemah tahanan Kemunting mulai dekat dengan giliran saudara-saudara.

Bahawa orang-orang tahanan kalau hendak bebas cepat terpaksalah berikrar dan mengakui taat setia kepada Kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya. Buat masa ini orang yang mesti ditaati ialah Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad kita. Kalau saudara-saudara dijadikan penghuni Kemunting nanti sebagaimana yang wakil dari Kota Tinggi tahu, turut

menunjukkan benci sangat kepada Perdana Menteri kita nescaya lambatlah saudara-saudara akan bebas.

Orang-orang tahanan dikehendaki berikrar tiga kali seminggu. Ikrar, itu mesti bersungguh-sungguh dengan hati yang ikhlas. Kalau tidak nanti akan jadi munafik kononnya. Ikrar itu berbunyi:

“Bahawa kami orang-orang tahanan berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mematuhi segala peraturan dan undang-undang. Kami orang-orang tahanan bersedia berkorban untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara kami dan berjuang dengan habis-habisan untuk menghapuskan musuh negara dan akan menyokong dasar-dasar Kerajaan untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu, tenteram dan makmur berdasarkan atas prinsip-prinsip Rukun Negara.”

Selepas itu orang-orang tahanan pun melafaz ikrar Rukun Negara.

Cuba bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau wakil Kota Tinggi terpaksa membaca ikrar itu, kiranya ikrar itu tidak dibuat maka petugas-petugas yang menjaga orang tahanan akan berkata: “Jangan ingat muka semacam ini akan bebas cepat.”

Dalam penyiasatan yang bersendirian, tahanan Melayu yang terdiri daripada pembangkang akan mengusulkan untuk petugas-petugas untuk menyertai UMNO. Apakah tugas Polis penyiasat dari Bukit Aman dan petugas-petugas di Khemah Tahanan Kemunting itu bekerja dengan Kerajaan ataupun bekerja dengan UMNO? Kadang-kadang boleh pula mereka membuat tawaran, kalau masuk UMNO akan diberi itu dan ini. Apakah harta dan kedudukan dalam Kerajaan itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk orang-orang UMNO

sahaja? Dan apakah petugas-petugas itu berfikir bahawa segala khazanah negara itu pusaka datuk neneknya lalu dia boleh memberikan kepada siapa sahaja tahanan yang mahu masuk UMNO. Kalau kita boleh pegang cakap-cakap para petugas itu, jelaslah ISA digubal untuk kepentingan UMNO ataupun lebih tegas untuk muslihat politik pemimpin-pemimpin UMNO.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya terangkan bahawa tahanan Islam yang telah berpeluang mengikuti kuliah ilmu yang dianjurkan oleh Pusat Islam dan Kementerian Dalam Negeri, kalau maklumat yang disampaikan itu betul. . . . .

**Tuan Abdul Rahman Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Baik.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Point of Order 36 (6) atau 36 (10) (b) pun boleh, 36 (10) (c) pun boleh iaitu dikatakan tahanan dan juga ISA itu digubal untuk UMNO. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Duduk Yang Berhormat. Itu terlalu umum Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa boleh teruskan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau maklumat yang disampaikan itu betul, petugas-petugas yang memberi kuliah itu ialah Ustaz-ustaz belaka. Mereka terdiri dari Ustaz Mohd Hashim, Ustaz Radzi, Ustaz Saufi, Ustaz Mohd Azmi dan pegawai-pegawai pemulihan di Kem Tahanan. Oleh kerana kelas ini dirasakan baik oleh ahli-ahli PAS yang sentiasa hadir dalam usrah-usrah dan kelas-kelas ilmu

sebelum ditahan dulu, mereka mencadangkan kuliah sebulan sekali itu dijadikan dua kali sebulan. Dia dipersetujui oleh pihak Kem. Kuliah pertama pada 13-1-1988 terdapat 5 tajuk yang diutarakan iaitu:

- (1) Lafaz ikrar orang tahanan jika dibuat secara berpura-pura maka akan jadi munafik.
- (2) Jangan cuba wujudkan ketegangan, mengkaji latar belakang pegawai KDN.
- (3) Program itu diharapkan berjalan dalam suasana harmoni yang diikat dengan aqidah Islamiah atas nama Muslimin.
- (4) Sanggup berbahas dan berbincang dengan orang-orang tahanan. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa nanti sekejap. Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Penjelasan. Wakil PAS berucap 2 jam.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak dapat saya hendak beri penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ini bukan penjelasan daripada itu. Ahli UMNO berucap hanya tinggi 1 jam 45 minit. Ketua Pembangkang pun tidak sampai satu jam. Ini berapa jam lagi dia hendak? Semalam sudah dua jam. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Marang, duduk. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa teruskan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak beri peluang takut termakan masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (5) Tarikat Aurat Muhammadiyah yang bertentangan dengan Islam. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, saya hendak tanya, panjang lagikah?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Kuliah selanjutnya mengandungi topik yang menarik, yang rasanya duduk dalam tahanan lebih baik dari duduk bebas di luar. Contohnya, dua puluh tiga sifat orang mukmin—daya kekuatan Muslim, usullufiq, perundangan Islam, pembinaan peribadi Muslim, manusia sebagai khalifah Allah dan sebagainya. Inilah apa yang berlaku mengenai orang-orang tahanan yang masih ada dalam tahanan dan yang sudah keluar daripada tahanan. Itu maklumat saya.

Sekarang saya cuba menyentuh pula berikutan penangkapan beramai-ramai secara borong terhadap 119 orang penentang atau pengkritik Kerajaan di penghujung Oktober tahun sudah. Tiga buah akhbar telah diharamkan iaitu *Star*, *Watan* dan *Sin Chew Jit Poh*. Ketiga-tiga akhbar itu mewakili akhbar berbahasa Inggeris, Melayu dan Cina. Pembaca akhbar Tamil agak bertuah kerana tidak ada akhbar Tamil yang diharamkan. Walaupun akhbar-akhbar tadi diharamkan atau digantung lesen untuk tempoh lima bulan, tetapi ia adalah gangguan terhadap kebebasan bersuara melalui tulisan dalam negara ini.

Langkah menggantung lesen akhbar itu adalah satu tindakan Kerajaan untuk menekan kebangkitan rakyat

yang sudah lama tidak puashati dengan pentadbiran yang ada dalam segenap bidang. Tidak ada sebab-sebab yang jelas atau alasan-alasan yang konkrit yang dapat diterima mengapa permit penerbitan kepada akhbar-akhbar itu ditarik. Kiranya akhbar-akhbar itu telah memainkan peranan untuk menimbulkan kekacauan kaum dan sebagainya dalam negara ini, maka tidak pula ada wartawan atau pengusaha akhbar kena tahan bersama-sama 119 orang yang ditahan secara zalim, yang dikatakan menyebabkan timbulnya kesusahan setahun yang lalu. Kenapa akhbar-akhbar sahaja dikenakan tindakan?

Saya tidak pula berhajat hendak mencadangkan supaya wartawan atau penerbit akhbar ditahan sama. Tetapi dalam hubungan dengan lain organisasi Kerajaan Dr Mahathir cuma menahan orang tetapi tidak menggantung atau tidak mengharamkan pertubuhan atau medan orang itu bergerak. Misalnya. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Bakar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak boleh.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ini sudah dua jam tiga minit, saya sudah jemu dengar seloka-seloka PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia tidak beri.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Orang lain pun hendak berucap juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tetapi dalam hubungan dengan lain organisasi, Kerajaan Dr Mahathir cuma menahan orang tetapi tidak menggantung atau mengharamkan pertubuhan atau medan orang itu bergerak. Misalnya, *Aliran* tidak digantung kegiatannya, cuma pemimpinnya sahaja ditahan. Demikian juga DAP, sehingga kini pemimpinnya ditahan tetapi DAP dibenarkan bergiat. Oleh itu, atas alasan apa pula akhbar lebih bahaya daripada pengarangnya.

Bagi saya, ketiga-tiga akhbar digantung penerbitannya ialah kerana adanya tulisan Tunku Abdul Rahman Putra yang tajam mengkritik Kerajaan dan pemimpinnya. *Star* dan *Watan* memuatkan tulisan dan pandangan Tunku, *Sin Chew Jit Poh* pun digantung sama sebagai hendak mengelakkan supaya orang tidak menyangka yang tindakan itu sebenarnya dituju kepada Tunku.

Walaupun saya tidak bersetuju dengan politik Tunku dan tidak mungkin bersetuju dengan perjuangannya yang sekular, tetapi kritik dan pandangannya sebagai orang tua dan bekas Perdana Menteri serta bekas pemimpin UMNO mengandungi perkara-perkara yang memang semua orang ingin tahu. Semua orang bersetuju bahawa pandangan Tunku tidak emotional dalam menegur pemimpin Kerajaan dan UMNO, walaupun tulisannya ada juga yang mengarut seperti menyindir hukuman rejam terhadap zina disebabkan beliau lebih sayang kepada batu yang digunakan untuk merejam orang yang durhaka kepada Allah, padahal baru-batu yang digunakan untuk merejam orang-orang berzina itu tidak akan hancur lebur selepas digunakan dan

kemudiannya boleh digunakan untuk pembangunan. Tidak ada larangan batu-batu itu untuk digunakan untuk membuat jalan dan sebagainya. Lagipun dunia tidak akan kehabisan batu dan masih banyak lagi batu-batu untuk membina rumah dan kilang. Demikianlah di antara karutnya fikiran Tunku, tetapi tulisannya yang lain, yang dibuat berdasarkan pengalaman dan pandangannya menjadi perhatian umum. Tidak semestinya saya bersetuju dengan pandangannya, tetapi pandangan itu melariskan *Star* dan *Watan* kerana ada pandangannya jugalah memberanikan akhbar-akhbar itu membuat liputan yang sedikit berani.

Saya percaya bahawa Kerajaan telah menunggu lama untuk bertindak kerana tulisan Tunku dan lain-lain bahan siaran telah menyulitkan pemimpin-pemimpin Kerajaan untuk membodohkan rakyat. Saya percaya kesempatan menahan beramai-ramai itu memberi peluang yang baik kepada Menteri Dalam Negeri untuk bertindak. Dengan itu akhbar itu bila dibenarkan penerbitannya kemudian tidak lagi akan berani meneruskan amalan yang baik kepada pandangan umum itu. Kiranya akhbar-akhbar tadi meniupkan semangat perkauman atau melaga-lagakan satu golongan kaum dengan kaum yang lain, saya rasa tidak apa kurang dengan akhbar UMNO—*Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* serta akhbar-akhbar harian lain menjelang 20hb Oktober lalu.

Saya sedia membuktikan perkara itu kiranya Kerajaan bersedia menyiasat akan hasutan dan pengapian yang dimainkan oleh akhbar-akhbar keluaran *Utusan* berhubung dengan masalah assabiah menjelang 27hb Oktober yang lalu. Tetapi Kerajaan tidak berbuat apa-apa kerana akhbar itu adalah lidah rasmi pemimpin-pemimpin UMNO, khususnya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Lima bulan selepas ditahan, *Star*, *Watan* dan *Sin Chew Jit Poh* dibenarkan untuk diterbitkan semula tetapi akhbar itu tidak lagi berani menyebarkan rencana Tunku dan tidak juga bersedia meneruskan amalan yang baik dahulu. Tunku Abdul Rahman kini tidak lagi mahu menghantar rencana dan kenyataan akhbar kepada *Star* dan *Watan* kerana akhbar itu sudah menikus sekarang. Kebimbangan saya ialah tekanan yang ketat dari Kerajaan itu menyebabkan akhirnya rakyat tidak lagi dapat mengikuti perkembangan yang sebenar dan generasi akan datang akan menjadi katak di bawah tempurung dan tidak mampu berfikir sendiri dan inikah yang dikehendaki oleh Kerajaan? Penerbit-penerbit kemudiannya lebih senang mencetak akhbar dan majallah hiburan yang ringan-ringan seperti Gila-gila dan sebagainya. Majallah macam ini tidak menghadapi risiko kena tangkap atau digantung.

Pembaca-pembaca yang dilahirkan oleh sistem penyiaran seperti ini tidak akan mampu bersaing dengan lain-lain bangsa yang lebih maju, yang berpeluang membaca tulisan dari berbagai-bagai bidang. Akibat dari tindakan Kerajaan menahan akhbar-akhbar itu tadi, ramai wartawan yang baik mencari pekerjaan di kedutaan-kedutaan asing ataupun bekerja sendiri. Ini akan menyebabkan negara ini ketandusan wartawan yang baik dan berani. Akhirnya, Malaysia akan bertemu dengan wartawan-wartawan yang kerjanya untuk melaporkan ucapan Menteri-menteri dan apa Menteri buat serta apa isteri Perdana Menteri dan isteri Menteri-menteri beli. Wartawan macam ini samalah seperti tukang tulis di tepi pejabat-pejabat Kerajaan yang dikenali sebagai Petition Writer. Adakah ini yang dibanggakan oleh Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, inilah jenis akhbar dan wartawan yang Kerajaan

mahu kerana segala-galanya; skandal, penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya tidak akan berani disiarkan. Saya menyeru Kerajaan supaya bertindak segera untuk memulihkan imej dan semangat para wartawan di negara ini. Wartawan-wartawan dan akhbar-akhbar yang baik akan mengharumkan nama negara. Buktinya ialah akhbar Al-Ahram di Mesir ketika dipimpin oleh pengarangnya Husni Haikal. Seluruh dunia menunggu keluaran akhbar itu dan seluruh dunia memetik rencananya. Selemah-lemahnya Munshi Abdullah dahulu, banyak teguran dan pandangannya yang membaiki masyarakat di zamannya. Wartawan sekarang kerana adanya sistem dan penindasan Kerajaan belum mampu menyaingi Munshi Abdullah.

Sekiranya kita mengkaji hikayat Abdullah yang memuatkan karya Munshi Abdullah jauh lebih menarik dari membaca Dewan Masyarakat. . . . .

**Puan Ling Chooi Sieng: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Pengkalan Chepa, nanti sekejap. Yang Berhormat Keluang hendak apa?

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, point of order. Peraturan-peraturan berbahas 35 sub-section 7—“Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa Ahli-ahli berucap, jika perlu”. Saya berpendapat Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sudah diberikan masa yang cukup dan saya harap Tuan Yang di-Pertua menghadkan masa bagi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Pengkalan Chepa, saya

rasa Yang Berhormat sudah panjang berucap.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta gulung.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Akhir sekali saya akan gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Sekiranya Kerajaan meneruskan dasar ini ia akan menakutkan para pelabur untuk berdagang di negara ini kerana mereka sukar untuk mendapat maklumat sebenar. Adalah menjadi amalan di mana-mana para pelabur memungut maklumat dari akhbar-akhbar, dari siaran itulah mereka membuat kesimpulan. Para pelabur kini melabur di negara ini atas jaminan Menteri, bukan atas penilaian yang dipungut dari media massa. Saya menyeru Kerajaan mengambil sikap terbuka kepada akhbar-akhbar dan tunggulah hasil dilakukan oleh mereka secara bertanggungjawab terhadap negara, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, saya ucap terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk menamat ucapan saya dan saya mengaku kalau panjang pun bukan kerana saya, kerana banyak gangguan-gangguan dan wakil dari Kuala Terengganu pun dua jam lebih kalau mengikut dalam *Hansard* itu. Jadi tak ada sebablah kalau saudara-saudara dan sahabat saya hendak mengkritik saya menggunakan masa.

Oleh itu, bagi mengakhiri ucapan saya, saya menyeru Kerajaan supaya kalau benar-benar kita mahu melihat negara kita ini berjaya dan maju ataupun sebagainya, saya menyeru Kerajaan supaya semak kembali dasar

politik negara, semak kembali dasar pendidikan, semak kembali dasar kebudayaan dan semak kembali segala apa yang menjadi punca kekecohan dalam negara. Saya menyeru dasar perpaduan hendaklah kembali kepada konsep perpaduan yang dianjurkan oleh Islam. Dasar pendidikan hendaklah kembali kepada dasar mengenal hak dan menjunjung keadilan. Dasar ekonomi hendaklah kembali menentang cita-cita kemewahan dan perasaan keriaan. Dasar kebudayaan hendaklah kembali membina peribadi insan dan merentang keruntuhan moral.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.42 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Ucapan Belanjawan 1989 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat lalu di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan oleh kerana dapat membentangkan satu Belanjawan yang adil, yang amat "generous" dan yang tidak secara langsung membebaskan orang miskin, terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar seperti para petani dan para nelayan, pekebun-pekebun dan peniaga-peniaga kecil. Saya faham bahawa Belanjawan tahun ini dibentangkan dalam suasana dan keadaan ekonomi negara yang mulai pulih selepas kita mengalami pertumbuhan ekonomi yang negatif dalam tahun 1985. Walaupun pada tahun ini pertumbuhan ekonomi ada di paras 7.4% adalah diramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi tahun

depan adalah lebih perlahan. Tahun depan diramalkan bahawa harga barangan komoditi kita akan turun. Minyak petroleum diramalkan ada di paras US\$14. Selain daripada itu, harga timah, kelapa sawit, getah dan koko kita akan turun akibat permintaan dunia yang kurang. Di samping itu, kita masih mempunyai hutang luar yang tinggi. "Trend protectionisme" di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat tahun depan akan meningkat dan ini akan memberi kesan kurang baik bagi usaha eksport kita ke negara-negara tersebut. Ini tentu akan menjejaskan prestasi dan perkembangan sektor perkilangan dan pembuatan dan ia tentu akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan ekonomi negara pada tahun depan akan menjadi lebih perlahan, Kerajaan begitu murah hati sehingga Belanjawan pada tahun ini adalah satu Belanjawan yang memberi faedah kepada semua pihak dan golongan di negara ini. Syarikat-syarikat, pekerja-pekerja, peniaga-peniaga, kakitangan Kerajaan, petani-petani dan nelayan-nelayan semuanya dapat faedah dari Belanjawan tahun ini.

Pengurangan cukai korporat daripada 40% kepada 35% dan pengurangan sebanyak 1% secara berperingkat ke atas kadar cukai pembangunan bagi syarikat dari tahun taksiran 1990 dan penghapusan cukai keuntungan berlebihan di dalam Belanjawan 1988 akan memberi galakan dan dorongan kepada syarikat-syarikat di negara ini untuk mempertingkatkan serta memperbaiki prestasi dan kecekapan mereka supaya dapat bersaing dengan negara-negara lain. Dengan pengurangan cukai korporat ini kita berharap agar sektor swasta benar-benar menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, kita berharap agar dasar

persyarikatan Malaysia benar-benar memberi manfaat yang besar kepada rakyat dan negara.

Pelarasan dan kenaikan gaji bagi kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan A, B dan C adalah disanjung tinggi. Kita berharap agar pelarasan gaji ini akan memberi semangat kepada semua kakitangan Kerajaan yang bilangannya lebih daripada 800,000 untuk berganding bahu dengan Kerajaan dalam usaha menjadikan negara ini maju dan masa depan yang cerah. Kita berharap dengan kenaikan gaji ini Kerajaan mengawal harga barang-barang, terutamanya barang-barang yang perlu dan asas (basic) kepada semua golongan seperti beras, gula, susu, daging, sayur, minyak dan sebagainya supaya tidak membebankan golongan yang miskin. Dengan kawalan yang rapi oleh Kerajaan ini, terutamanya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kadar inflasi akan terkawal ke paras yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penubuhan tabung pemulihan perusahaan untuk membantu pengusaha-pengusaha bumiputera memulihkan projek-projek dan operasi mereka. Juga saya mengalu-alukan usaha Kerajaan dalam menyediakan satu skim pinjaman di bawah tabung pembangunan ASEAN-Jepun untuk membantu industri-industri kecil dan sederhana mendapatkan kredit dengan syarat-syarat yang menarik melalui syarikat kewangan dan bank-bank tertentu. Saya berharap supaya Kerajaan memberi arahan kepada bank-bank tersebut supaya syarat-syarat yang dikenakan itu tidak begitu rumit sehingga peniaga-peniaga kecil, terutamanya peniaga bumiputera tidak dapat menerima kredit daripada institusi kewangan ini. Ini pernah berlaku dahulu. Oleh kerana itu, kita mahu supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih berusaha untuk menjadikan Malaysia satu negara yang maju. Dalam usaha kita memasuki era perindustrian ini, saya berharap kejayaan ini nanti tidak akan merugikan kaum bumiputera di luar bandar. Saya berkata begini oleh kerana saya khuatir dalam keghairahan itu untuk kita menjadi maju lebih banyak peruntukan dan tumpuan diberi kepada sektor industri berat sehingga sedikit sahaja peruntukan diberi kepada sektor pertanian dan perikanan yang diharapkan dapat membangun taraf sosio ekonomi golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan oleh kerana dapat memberi peruntukan sebanyak \$5,117 juta atau kira-kira 2/3 dari perbelanjaan pembangunan untuk projek-projek pembangunan di luar bandar. Peruntukan yang sebegini tinggi adalah perlu untuk mempecepatkan proses pembangunan di luar bandar supaya mereka dapat maju bersama dengan rakyat di bandar. Selain daripada itu, peruntukan sebanyak \$1,349 juta disediakan bagi projek pertanian seperti pembangunan tanah, pembangunan pertanian bersepadu, bantuan dan perkhidmatan sokongan bagi projek pertanian, perikanan dan ternakan. Juga peruntukan besar diberi untuk membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat, membangun masyarakat dan kampung, membangun jalan-jalan kampung dan pemulihan kampung dan juga peruntukan untuk membina jambatan. Peruntukan yang banyak juga diberi kepada bekalan air dan elektrik luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan oleh kerana memberi banyak peruntukan kepada semua sektor ini yang mana

penerimanya yang kebanyakannya adalah penduduk bumiputera miskin di luar bandar. Peruntukan ini menunjukkan keikhlasan hati Kerajaan menolong kaum bumiputera yang ketinggalan supaya mereka juga dapat menikmati hasil pembangunan negara. Saya berharap supaya agihan ke semua negeri di tanahair kita dapat dibuat secara adil supaya dapat memberi bantuan kepada semua pihak, semua golongan di tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tibalah masanya Kerajaan perlu melaksanakan dengan penuh azam Dasar Pertanian Negara. Bagi saya sektor pertanian adalah amat penting dalam soal kita berhasrat menjadi satu negara yang sudah maju. Tidak ada erti kita dipanggil sebagai satu negara yang baru maju (newly industrialised country) seperti Korea Selatan, Taiwan, Hongkong dan Singapura kalau ramai rakyat kita di luar bandar masih dalam keadaan sosio ekonomi yang rendah dan miskin, pendapatan yang rendah.

Sekarang kalau kita pergi ke Jepun, Korea Selatan dan Taiwan, kita dapati bahawa penduduk di luar bandar seperti petani-petani dan para nelayan adalah hidup dengan mewah dan senang akibat dasar pertanian dan perikanan yang begitu dinamis dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya petik apa yang pernah dikatakan oleh bekas Menteri Pertanian Filipina Ramon Mitra, sekarang sebagai Chairman Kongres di Filipina, apabila ditemuduga oleh wartawan-wartawan mengenai dengan peranan sektor pertanian dalam rancangan ekonomi Filipina: "Had Marcos built the rural sector first, as Taiwan did, we like Taiwan would also now be one of the tiger economies of the region, building a rapidly growing industrial base on a

firm foundation of agricultural self-sufficiency. Our country is predominantly a rural society, the bulk of it is composed of small farmers, agricultural labourers, fishermen, sundrymen, store-owners, etc. Seventy percent of the population lives in the rural areas. A rural development programme is essential to economic revival and social stability, and it is here that the effort to create a decent standard of living for the Filipino people would be sustainable and meaningful. Agriculture has the potential to lead the country's economic recovery because the record will show that:

- (i) the agricultural sector is a more efficient saver and earner of foreign exchange than the industrial sector;
- (ii) rapid increase in agriculture income would have strong employment and income multiplier effects on the whole economy since rural consumption is heavily orientated to food and labour intensive industrial consumer goods and services.

It is now acknowledged by the best economists that agricultural development could be a key to economic prosperity of a country. Taiwan is a good model for us. The Taiwanese have demonstrated that agricultural development is the base for industrial strength".

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan jelas betapa pentingnya peranan sektor pertanian dalam proses perindustrian kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan potongan bagi perbelanjaan modal ke atas projek-projek pertanian yang diluluskan seperti ternakan udang, tanaman betik, pisang, buah markisa, buah belimbing, jambu dan manggis. Saya cadangkan supaya tempoh masa dipanjangkan dan keluasan kawasan

yang minima yang dicadangkan itu perlu dikurangkan supaya lebih banyak petani di luar bandar dapat menerima potongan ini. Oleh kerana sekarang kita mengimport lebih banyak buah-buahan daripada Thailand, dari Amerika, China dan Australia, oleh kerana itu kita perlu supaya galakan diberi dalam bidang ini supaya kita dapat conserve foreign exchange, dengan izin. Ternakan udang perlu diberi perhatian yang berat memandangkan potensinya untuk dieksport adalah amat cerah. Kalau dibangunkan secara komersial dan besar-besaran ternakan udang ini akan menjadi intan kepada pertanian Malaysia, dengan izin, the jewel of Malaysian agriculture. Permintaan udang di dunia makin hari makin meningkat dan kita perlu supaya kita dapat mengambil satu tempat di pasaran antarabangsa dan permintaan udang merupakan multi-billion dollar industry di dunia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan usaha kita membangunkan sektor pertanian, Kerajaan perlu mengawal harga baja, racun, benih-benih dan bahan-bahan yang berkaitan. Juga peranan Bank Pertanian dan institusi kewangan lain untuk memberi pinjaman kepada petani atau pelabur dengan kadar faedah dan syarat yang rendah dan yang lebih menarik, akan memberi sokongan yang kuat. Kita perlu menggunakan teknologi baru, jentera-jentera untuk meningkat produktiviti dan kecekapan, kita perlu mengeksploitasikan sepenuhnya potensi pertanian kita, kalau kita ingin membentuk asas perindustrian yang kukuh. Kerajaan perlu membantu petani kita supaya pemasaran komoditi mereka dapat dilaksanakan tanpa merugikan petani, terutamanya petani kecil di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan industri pelancongan di negara ini, saya ingin

mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TDC, agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MAS, oleh kerana memainkan peranan yang dinamis dan kreatif dalam usaha menarik ramai lagi pelancong-pelancong ke Malaysia. Saya berharap agar Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dapat melipatgandakan usahanya supaya lebih banyak lagi pelancong datang ke negara kita untuk melihat negara serta mempereratkan persefahaman rakyat asing dengan rakyat kita. Saya berharap usaha untuk menjadikan tahun depan sebagai "Visit Malaysia Year", dengan izin, dijalankan supaya dapat menarik lebih banyak lagi pelancong ke Malaysia. Berhubung dengan ini saya berharap supaya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan sentiasa memberikan galakan dan bantuan-bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha mereka menggalak industri pelancongan di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan negeri Sarawak telah dan sedang membelanjakan peruntukan wang yang banyak untuk membangunkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan dan tempat-tempat menarik untuk pelancong-pelancong yang datang ke negeri Sarawak. Masalah yang dihadapi oleh Sarawak dalam memajukan industri pelancongannya ialah tempat di kapalterbang dan linkage yang kurang memuaskan. Kita difahamkan bahawa pelancong yang datang ke Malaysia melalui Kuala Lumpur menghadapi masalah membuat tempahan ke Sarawak dari Kuala Lumpur oleh kerana penerbangan MAS selalu penuh. Oleh itu, susah bagi pelancong yang rindu untuk datang ke Sarawak mendapat tempahan dengan penerbangan MAS dan ini tentu telah menjejaskan prestasi dan perkembangan industri pelancongan di negeri Sarawak.

Masalah yang kedua ialah linkage. Memandangkan Kuching adalah jauh dari Kuala Lumpur, kita dapati bahawa susah bagi kita untuk menyambungkan pelancong yang datang dari Semenanjung ke Sarawak. Oleh itu, saya menyokong penuh saranan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud bahawa penerbangan Singapura perlu diberi peluang untuk membuat penerbangan ke Kuching dari Singapura dan sebaliknya. Untuk memenuhi masalah linkage ini, pertamanya di Singapura sahaja banyak pelancong yang sedia ada dan kalau Singapore Airline, dengan izin, dibenarkan masuk ke Sarawak dengan syarat-syarat yang munasabah dan menarik, saya percaya kita dapat menarik pelancong yang sedia ada di Singapura ke Sarawak. Penerbangan Singapore Airline adalah untuk, dengan izin, supplement, apa jua kelemahan penerbangan MAS ke Sarawak pada saat ini. Jika kita dapat menarik sebilangan besar 4 juta pelancong yang datang ke Singapura itu ke Sarawak, ini akan memberi faedah besar kepada Sarawak dan Malaysia dari segi pengutipan, dengan izin, foreign exchange.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Singapore Airline, saya bercadang supaya penerbangan Thai diberi peluang masuk ke Sarawak dari Bangkok ke Kuching melalui Kuala Lumpur seperti Singapura—Bangkok sedia mempunyai ramai pelancong dari luar negeri dan kalau kita dapat menarik sebilangan besar pelancong ini ke Sarawak melalui Kuala Lumpur, ini akan memberi manfaat dan sumbangan yang besar kepada industri pelancongan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak MAS akan faham masalah yang dihadapi oleh Sarawak dalam usahanya memajukan industri pelancongannya. MAS perlu

mengambil sikap yang terbuka dan waras dan tidak dikuasai oleh emosi. Saya juga berharap walaupun MAS sudah diswastakan, ia perlu melaksanakan tugasnya berdasarkan atas dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa pihak yang mempersoalkan keputusan Kerajaan untuk membeli kelengkapan tentera dari Kerajaan British sebagai tidak tepat. Mereka berkata bahawa wang sebanyak \$4 bilion harus disalurkan kepada projek-projek lain seperti pendidikan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap keputusan membeli kelengkapan ini adalah semata-mata untuk tujuan defensive sahaja dan bukan untuk tujuan offensive. Ini perlu supaya negara-negara jiran memahami tujuan kita. Keselamatan negara adalah perkara penting, ia tidak seharusnya diabaikan. Pilihan kita ialah sama ada kita mahu diletak di bawah pertahanan payung kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Britain France dan sebagainya. Kalau begitu, kita akan hilang maruah kita sebagai satu negara yang merdeka dan sovereign, dengan izin.

Memang benar Jepun dan Taiwan membelanjakan kurang daripada 1% GNP mereka untuk pertahanan oleh kerana negara ini adalah di bawah payung pertahanan Amerika Syarikat. Tetapi adakah ini baik di dalam jangka masa panjang dan adakah ini baik untuk maruah negara kita dan keselamatan negara kita? Kita perlu peralatan kita sendiri supaya dapat mempertahankan diri apabila diserang oleh kuasa luar. Oleh itu, cadangan Kerajaan untuk membeli kelengkapan tentera bagi tempoh 10 tahun adalah wajar demi kebaikan dan kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Dasar Ekonomi Baru perlu

dilanjutkan selepas 1990 memandangkan pencapaian matlamatnya belum sampai terutama bagi kaum bumiputera. Saya berharap dalam proses pembentukan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990, Kerajaan akan mengambil perhatian tentang pencapaian kaum bumiputera di Sarawak khususnya kaum Dayak dalam konteks Dasar Ekonomi Baru dari segi peluang bekerja di sektor awam dan swasta, kemasukan penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi serta pemberian biasiswa, peluang mencebur diri di bidang perusahaan dan penswastaan-penswastaan syarikat Kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Julai 1988 satu kebakaran besar berlaku di Lawas, Sarawak, kawasan saya, di mana 6 buah kedai tiga tingkat telah musnah. Pada bulan September tahun ini juga, 10 buah kedai dua tingkat juga telah terbakar dan telah musnah, semuanya di Lawas, kawasan saya. Selain daripada ini, 4 buah rumah persendirian telah terbakar dalam tahun ini sahaja. Lima tahun yang lepas lebih daripada 10 buah kedai di bandar Trusan, kawasan saya, telah terbakar dan musnah. Dua tahun lepas, 2 buah kedai tiga tingkat di bandar Limbang, kawasan saya, telah terbakar dan tidak dapat diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, semua kebakaran yang berlaku di kawasan saya melibatkan berjuta-juta ringgit kerugian dan kebakaran ini dapat dihentikan jika ada Bomba di Limbang dan Lawas. Saya telah beberapa kali merayu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini supaya Pegawai-pegawai Bomba dan kelengkapan-kelengkapan pemadam api seperti paip, pam, kenderaan dan sebagainya dibekalkan ke kawasan saya. Kawasan saya unik dari kawasan lain, oleh kerana

kawasan saya terletak di antara kedua-dua benua Brunei dan jika kebakaran berlaku, memang tidak dapat mengharap kawasan berdekatan seperti Miri, Labuan dan Beaufort di negeri Sabah memberi pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, Miri adalah kira-kira 200 batu jauhnya dari kawasan saya, begitu juga dengan bandar Beaufort di negeri Sabah, Labuan apa lagi adalah terpisah dari kawasan saya oleh Laut China Selatan. Oleh itu, tidak wajar bagi Kementerian mengharap bahawa Miri, Labuan dan Beaufort akan memberi pertolongan jika ada kebakaran di kawasan saya sepertimana yang dicadangkan oleh pihak Bomba dalam satu dua tahun yang lepas. Saya berharap supaya pada kali ini Kementerian mengambil berat seruan saya dan rakyat di kawasan saya supaya kebakaran jika berlaku lagi dapat kita hentikan untuk mengurangkan kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, selepas membaca Ucapan Belanjawan, saya begitu senang hati oleh kerana dapat memberi beberapa faedah kepada semua golongan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1989. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

6.05 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama bangun membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1989 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Kewangan pada 21hb Oktober baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya meneruskan perbahasan saya ini, maka saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini beberapa pengajaran terutama sekali kepada saya sendiri dan juga sama-sama dapat kita mengambil pengajaran sebagai asas yang boleh kita buat sebagai panduan kepada kita semua. Di antaranya ialah masalah yang hangat dipertikaikan sekarang ialah masalah yang berkaitan dengan perpaduan. Perpaduan telah banyak terutama sekali kepada mereka yang berminat dalam pengajaran Islam dan berminat untuk memperjuangkan Islam, maka memang terdapat pengajaran dalam al-Quran dan juga pengajaran yang telah diwarisi oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., memang perpaduan adalah pokok dan perkara utama yang patut sama-sama kita berusaha demi untuk mencari perpaduan bukan sahaja di masa sekarang bahkan seterusnya pada masa-masa yang akan datang.

Kalau kita mengkaji dalam isi kandungan al-Quran sudah tentu banyak ajaran-ajaran al-Quran yang mengarahkan kita supaya bersatupadu dan al-Quran juga menjelaskan kepada kita supaya jangan kita melakukan bercerai-berai sebagai mana ayat al-Quran yang berbunyi, dengan izin: "wa' tasimu-bihab-lillahi-jamian-wala-tafarraqu", yang memberi erti: Hendaklah kamu berpegang teguh dengan jalan Allah s.w.t. dan sebaliknya janganlah kamu melakukan perkara yang boleh membawa kepada bercerai-berai." Dan juga Rasulullah s.a.w. sebagai bapa perpaduan dalam masa hidupnya telah banyak menunjukkan teladan ke arah perpaduan sebagaimana dijelaskan dalam hadis-hadisnya dan surahnya.

Ini semua adalah jelas terutama sekali kepada mereka yang sangat berminat kepada pengajaran Islam dan berminat dalam jihad demi hendak

mempertingkatkan, memperkukuhkan "ukhuwah" Islam, Maka perpaduan telah banyak dicontohi, diteladani diajar oleh pemimpin agung Nabi Besar Muhammad s.a.w.

Tuan Yang di-Pertua, untuk perpaduan, Allah s.w.t. dan Rasulnya di antaranya membuat satu garis panduan melarang kita sesama kita, terutama sekali melarang umpat-mengumpat, cela-mencela, keji-mengeji, caci-mencaci, membuka dan mendedah kemaluan orang lain, membuat fitnah, tuduh-menuduh apatah lagi mengkafir di antara sesama Islam yang sudah mengucap dua kalimah syahadat dan telah menerima Islam sebagai pegangan hidupnya tetapi orang ini juga manakala tidak selesai dengan perjuangannya, dianggarkan orang ini keluar daripada garis panduan Islam. Jadi kalau ini sentiasa dituduh dan diamalkan, bagaimana perpaduan hendak dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara asas-asas yang dapat kita menarik perhatian untuk mencari penyelesaian, terutama sekali keyakinan kita bahawa apa yang berlaku di alam ini semuanya hasil daripada kehendak Allah s.w.t. Jadi kalau benar-benar kita yang mahu berpegang kepada Islam, kalau apa yang telah berlaku di alam ini daripada kehendak Allah s.w.t, maka kita tidak payah mempertikaikan lagi, kita bersabar, bertenang demi untuk menunggu masa. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam Hadis Kudsi yang memberi erti:

"Sesiapa yang tidak redha di atas apa yang telah Allah membuat keputusan, siapa juga tidak bersyukur di atas nikmat Allah s.w.t. telah memberikan kepadanya dan sesiapa yang tidak sabar di atas ujian Allah s.w.t. Tuhan memberi amaran, orang sedemikian supaya mencari Tuhan lain selain daripada Allah s.w.t."

Ini adalah di antara asas-asas demi untuk hendak mencari penyelesaian hendak mengukuhkan "Ukuaah Islamiah" bukan setakat ini, bahkan sampai kepada hari kiamat.

Tuan Yang di-Pertua, Allah s.w.t. telah memberi kenyataan yang jelas bahawa ianyalah melantik sesiapa sahaja yang ia berkehendakkan menjadi permerintah dan ianya juga menjatuhkan pula sesiapa yang ia kehendak daripada menjadi pemerintah, ia juga memuliakan seseorang yang ia hendak menjadikan mulia, ia juga menghinakan seseorang yang ia kehendak menjadi seorang itu menjadi hina, Apa sahaja yang berlaku adalah daripada hasil kehendak Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. pula memberi pesanan kepada seluruh manusia terutama supaya berusaha yang berbunyi:

"Manusia berusaha hendak menaikkan seseorang, ianya tidak akan dapat menaikkan tanpa izin Allah s.w.t., sebaliknya seluruh manusia mahu dan cuba hendak menjatuhkan seseorang, ianya juga tidak akan jatuh tanpa keizinan Allah s.w.t."

Kepada pengajaran-pengajaran inilah patut sama-sama kita kembali supaya umat kita dapat disatukan kembali sebagaimana asalnya. Perhatikanlah kepada pesanan Nabi Besar Muhammad s.a.w., dengan izin yang memberi erti:

"Semua kamu adalah daripada Adam dan Adam adalah dijadikan daripada tanah, ertikata pokok pangkalnya kembali kepada tanah juga akhirnya".

Oleh hal yang demikian di atas dunia buat sementara ini tak perlulah kita berbangga-bangga, kita terimalah apa keputusan yang diputuskan oleh Allah s.w.t., kita redha apa yang diberi kepada kita, kita bersyukur di atas

nikmat yang diberi kepada kita dan kita besabar di atas apa yang diberi kepada kita, moga-moga dapatlah kita kembali kepada ajaran ini, moga-moga jiwa kita menjadi tenang, kesabaran kita dapat ditekankan dan dapat diterapkan dalam jiwa kita masing-masing demi untuk menjadi teladan kepada anak cucu kita di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah ekonomi dan sebagainya, kalaulah kita mengkaji masalah ini sebagai asas ekonomi Rasulullah s.a.w. adalah sebagai "Bapa Perekonomian". Dalam sejarah Islam banyak telah menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang ahli, yang sangat banyak menjadi teladan dalam segi ekonomi supaya diikuti oleh umat-umatnya yang kemudian daripadanya. Ia pernah menjadi saudagar yang beramanah, yang jujur dan ikhlas sehingga ia mencapai keuntungan yang besar, membawa barang-barang perniagaan daripada Madinah, daripada Mekah ke Sham. Ianya adalah seorang beramanah, seorang yang jujur dan ikhlas dalam menjalankan urusan perniagaan dan juga dalam mencapainya perekonomian di masa itu. Ianya juga pernah menjadi gembala ternakan kambing dan biri-biri, ia juga banyak menggalakkan segala Hadis-hadisnya dalam Sirrah supaya digalakkan dalam bidang-bidang pertanian, perusahaan, kesihatan dan lain-lain lagi. Sebagai contoh yang diteladani oleh pemimpin agung Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana Allah s.w.t. telah menjelaskan dalam Al-Quran, dengan izin, yang memberi erti:

"Sesungguhnya kepada kamu sekalian pada Rasulullah adalah ikutan yang baik, bagi mereka yang mengharapkan akan berjumpa dengan Allah s.w.t. dan mengharapkan juga akan keredhaan di hari kiamat kelak".

Inilah di antara asas-asas panduan yang benar-benar kalau kita mahu mewujudkan perpaduan ummah dan kalau kita mahu mempertingkatkan perekonomian kita di negara kita ini, hendaklah kembali kepada asas-asas pengajaran Al-Quran dan Hadis yang disebutkan sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita melihat dan memerhatikan kepada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan itu seharusnya kita sama-sama bersyukur kepada Allah s.a.w. kerana dengan limpah pemberiannya, maka pertumbuhan ekonomi negara kita agaknya baik dari masa ke semasa, kalau dibandingkan di masa-masa yang dua tiga tahun kebelakangan ini. Harapan kita moga-moga dengan bersyukur kita terhadap pertumbuhan ini, bertambah baik lagi daripada masa ke semasa dan kita mengucapkan berbilang terima kasih terutama sekali kepada pucuk pimpinan kita dan kepada mereka yang bertanggungjawab untuk memulihkan ekonomi negara. Walaupun mereka menghadapi berbagai-bagai masalah, mereka menghadapi berbagai-bagai kritikan, tuduhan, tetapi dengan kesabaran mereka, dengan kesungguhan dan dedikasi mereka dapat juga memulihkan ekonomi negara dengan izin Allah s.w.t. Allah s.w.t. telah menegaskan dalam ayat Al-Quran, dengan izin, yang memberi erti:

“Allah s.w.t. sentiasa memberi pertolongan kepada siapa-siapa sahaja hambanya yang bersifat dengan tenang dan bersabar, jujur dan ikhlas, dedikasi dan sebagainya”.

Tuan Yang di-Pertua, memang Allah s.w.t. menciptakan dunia ini untuk tempat manusia mencari kesenangan hidup. Manusia juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus, menyusun, mengkaji segala isi kandungan dunia ini sama ada di

daratan mahu pun juga di lautan supaya segala sumber-sumbernya dapat dijadikan manfaat manusia. Dalam kumpulan manusia ini Allah juga melantik seorang yang menjadi pemimpin yang dipilih oleh Allah s.w.t. sendiri melalui proses-proses yang dijalankan oleh manusia. Jelas sebagaimana Allah s.w.t. menyebut dalam Al-Quran, dengan izin, kepada Nabi Allah Adam dahulu yang memberi erti “Kami Allah s.w.t. akan melantik seorang pemimpin dalam bumi Allah s.w.t. ini. Berpandu kepada Ayat ini menjadi lumrah kejadian alam setiap satu abad setiap satu kumpulan manusia tetap wujudnya pemimpin yang mana pemimpin ini ada diredhai perlantikannya oleh Allah s.w.t. sendiri walaupun dengan proses-proses yang dijalankan oleh manusia. Tetapi hakikatnya ini adalah perlantikan daripada Allah s.w.t. sendiri tidak daripada yang lain, zahirnya sahaja kita memandang kepada manusia tetapi hakikatnya adalah daripada Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin inilah diberi tugas untuk mentadbir, menyusun, mengawal dari sumber-sumber alam ini supaya ianya berkembang luas dan dapat dijadikan manfaat untuk kebahagiaan manusia. Malangnya pemimpin-pemimpin dalam sebuah negara tidak mungkin dapat diwujudkan dengan begitu ramai, hanya seorang sahaja.

Bagaimana Allah s.w.t. menjelaskan sebagai pengajaran kita dalam Al-Quran yang berbunyi, dengan izin, “Kalau sekiranya ada di langit dan juga di bumi ini dua Tuan, nescaya porak porandalah kedua-keduanya”. Dengan ajaran ini berertinya dalam setiap sebuah negara maka tidak mungkin wujudnya dua pemimpin.

Oleh hal yang demikian Allah s.w.t. menegaskan dalam Al-Quran dengan

izin, yang membawa erti Allah s.w.t. menjelaskan hendaklah manusia taat kepada Allah s.w.t. dan kepada Rasulnya dan juga kepada pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak memulihkan ekonomi sesebuah negara ini adalah pula kaitan dengan amalan-amalan yang dilakukan oleh manusia sebagaimana Allah s.w.t. menjelaskan dalam Al-Quran, dengan izin, sebagai panduan kita, yang membawa erti, "Timbullah keburukan, timbullah kefasikan sama ada di darat mahupun di laut oleh sebab sikap ataupun kerja-kerja yang dilakukan oleh manusia". Dengan Ayat ini jenis bahawa memang Allah s.w.t. supaya nikmat bahagianya dapat dilakukan oleh manusia tetapi kadang-kadang timbulnya keburukan, timbulnya sesuatu yang tidak baik disebabkan usaha-usaha yang dilakukan oleh manusia.

Oleh hal yang demikian sebagai pengajaran Islam demi untuk mempertingkatkan ekonomi negara kita dari masa ke semasa hendaklah kita memperbaiki sikap kita mudah-mudahan Allah s.w.t. akan meredhai daripada apa yang telah dikurniakan di bumi yang nyata ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini nyata sekali cubalah kita lihat di mana-mana negara yang selalunya berperang, bergaduh sesama sendiri, apakah penghidupan rakyat negara itu. Oleh itu marilah kita ingatkan sepotong Ayat Al-Quran pula, dengan izin, yang membawa erti, "Hendaklah kamu sentiasa mengingatkan kepada nikmat yang Allah s.w.t. memberi nikmat kepada kamu dan bagaimanakah kamu di masa kamu berada dalam masa permusuhan dahulu, Allah s.w.t. menjadikan hati di antara kamu jinak-menjinak, maka jadilah kamu berbaik-baik di antara satu sama lain, maka dapatlah kamu

mengecap nikmat Allah dengan keadaan bersaudara-mara". Dengan Ayat ini juga sebagai pengajaran kepada kita semua bahawa nikmat Allah s.w.t. mungkin tidak akan wujud dengan baiknya sekiranya kita selalu mengadakan berpecah belah, mengadakan permusuhan, persengkeatan di antara satu sama lain tidak berhenti-henti.

Contohnya sebagaimana yang berlaku di negara-negara yang selalunya berperang, permusuhan, akibatnya bagaimanakah rakyat jelata kelaparan dan sebagainya. Banyak sudah kalau kita mengkaji dari isi kandungan Al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pengajaran kepada kita semua yang matlamat kita, target kita hendak membawakan negara ini ke sebuah negara yang makmur, yang mahu rakyatnya hidup aman bahagia, yang tidak ada fitnah-memfitnah di antara satu sama lain demi untuk mencari nikmat Allah s.w.t. dan mencari keredhaan Allah s.w.t. manakala kita akan kembali ke alam baqa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belanjawan tahun 1989 yang telah dibentangkan itu, saya sangat kagum di atas kesungguhan Kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat sama dalam usaha dengan mengorbankan masa, fikiran mereka untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang kukuh dalam segi ekonominya dan diyakini oleh pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita ini serta dapat mengubah kedudukan rakyat, insya Allah mudah-mudahan kita sama-sama akan dapat mengubah perhatianlah sebagai ajaran Allah s.w.t. dalam Al-Quran, dengan izin, yang membawa erti, "Allah s.w.t. tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa bahkan bangsa itulah sanggup mengubah nasib bangsanya".

Ini juga sebagai pengajaran Allah s.w.t. dalam Al-Quran dengan

tegasnya kita sebagai pemerintah sesebuah negara kitalah sanggup mengubah nasib bangsa kita demi untuk mencapainya kesejahteraan di masa-masa yang akan datang.

Dengan ini diharap kepada semua pihak supaya dapat memainkan peranan masing-masing untuk menguatkan Kerajaan yang ada pada hari ini supaya Kerajaan lebih berupaya lagi usahanya untuk menyusun strategi dalam memperluaskan lagi bidang-bidang yang boleh membawa hasil negara dan dapat mengadakan hubungan dua hala dengan negara-negara luar supaya ekonomi negara ini lebih bertambah daripada masa ke semasa.

Sebagaimana Allah s.w.t. menjelaskan juga dalam Al-Quran, dengan izin, yang membawa erti, "Sekiranya kamu terima syukur di atas

nikmat yang Aku kurniakan, Aku tambahkan lagi kurnia itu di masa-masa akan datang, tetapi sebaliknya jikalau kamu ingkari nikmat Aku, azab sengsara Akulah akan menimpa kaum semua." Ini juga jelas . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat boleh sambung balik pada hari Isnin.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:** Insya Allah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, 31hb Oktober, 1988 pukul 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*